

Bil. 56

**Khamis
31 Oktober 1996**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENGKAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA**

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Ruangan 1)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Ruangan 42)
RANG UNDANG-UNDANG: - Rang Undang-Undang Perbekalan 1997	(Ruangan 42)
USUL: - Anggaran Pembangunan 1997	(Ruangan 42)

Oktober, 1996.

AHLI-AHLIDewan RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)
- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)
- “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)
- “ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)
- “ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' (Dr.) Haji Abu Hassan bin Haji Omar, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T. P.I.S. (Kuala Selangor)
- “ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)
- “ Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Pertahanan, Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K. (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Megat Junid bin Megat Ayob, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Kerk Choo Ting (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Tuan Ong Ka Ting (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Puan Shahrizat binti Abdul Jalil (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)

- Yang Berhormat Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K.
(Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K.,
S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria, P.J.K. (Jerantut)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)

- Yang Berhormat Dato' Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau)
- “ Dato' Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)

- Yang Berhormat Tuan Ong Tin Kim (Teluk Intan)
- “ Dato' Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K.,
P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P.,
S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato' Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Datuk S'ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)

Yang Berhormat	Tuan Tiong Thai King (Lanang)
“	Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
“	Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
“	Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
“	Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
“	Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
“	Dato' Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
“	Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
“	Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
“	Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
“	Tuan Yunof Edward Maringking (Tuaran)
“	Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
“	Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)
“	Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
“	Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
“	Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN
PARLIMEN MALAYSIA**

Setiausaha Dewan Rakyat : Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T., A.M.N.,
P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
Ketua Penolong Setiausaha : Said bin Sidik
Penolong Setiausaha Kanan : Zamani bin Haji Sulaiman
Penolong Setiausaha : Haji Mustakin bin Selamat

CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan : Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Pelapor Perbahasan Parlimen : Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.
Haji Suhor bin Husin
Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Zaharah binti Naim
Norwahidah binti Azizi
Jainah binti Sakimin
Shamsina binti Janor
Pembaca Pruf : Abu Bakar Hasan

CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat : Lt Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

**MALAYSIA
DEWAN RAKYAT**

Khamis, 31 Oktober, 1996

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30
petang**

D O A

**[Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat]**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**INDUSTRI TERNAKAN - JUMLAH
IMPORT MAKANAN**

1. Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin [Muar] minta Menteri Pertanian menyatakan jumlah import makanan untuk industri ternakan bagi tahun 1991, 1992, 1993, 1994 dan 1995 dan apakah rancangan kerajaan hendak mengurangkan import dan menambahkan pengeluaran dalam negeri bagi barangan makanan untuk industri ternakan ini.

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]: Tuan Yang di-Pertua,

- (i) Jumlah dan nilai import makanan ternakan adalah seperti berikut:-

Tahun	Tan Metrik	Nilai(Juta)
1991	1.8 juta	RM806.6
1992	2.2 juta	RM964.7
1993	2.5 juta	RM1,025
1994	2.5 juta	RM1,134.7
1995	3.0 (anggaran)	RM1,415.4

Bijirin jagung merupakan bahan makanan ternakan yang terbanyak diimport.

- (ii) Usaha telah dibuat di mana agensi-agensinya diselidiki di bawah Kementerian Pertanian telah menjalankan percubaan penanaman jagung secara komersial. Kajian yang sedang dijalankan pada masa ini ditumpukan bagi menemui hibrid jagung yang dapat mengeluarkan hasil yang lebih tinggi supaya prospek

penanaman secara komersial lebih berdaya maju. Penyelidikan dan penggunaan bahan gantian kepada jagung seperti ubi kayu, sagu dan ubi keledek juga sedang dijalankan.

- (iii) Di samping itu, usaha-usaha juga sedang dijalankan untuk meningkatkan penggunaan bahan sampingan agro-industri dan sisa tanaman bagi menggantikan import makanan ternakan. Ini termasuk:-
- (a) kajian meningkatkan pencernaan isirong palma (oil palm kernel) untuk ternakan bukan ruminan;
 - (b) pengenalan teknologi pemrosesan pelepah kelapa sawit untuk makanan ruminan; dan
 - (c) pembuatan dan penggunaan urea-molas dan galian jilat oleh pengusaha ternakan.
- (iv) Program menggalakkan integrasi ternakan ruminan dengan tanaman utama seperti kelapa sawit dan getah akan juga mengurangkan pergantungan kepada bahan-bahan makanan yang diimport.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, persoalan yang ada di hadapan kita sekarang ini bukan sahaja import makanan ternakan, saya rasa, kerajaan juga telah banyak mengimport makanan manusia daripada luar negeri termasuk ikan, beras, daging dan sayur. Persoalannya, mengapa semata-mata bergantung kepada luar negeri, bukan sahaja ayam, yakni binatang, tetapi manusia juga bergantung kepada industri makanan daripada luar negeri. Saya kira persoalan ini perlu diselesaikan segera oleh kerajaan kita.

Soalannya, Tuan Yang di-Pertua, apakah persediaan makanan ternakan oleh kerajaan ataupun kementerian apabila negara kita berada dalam keadaan gawat? Dan apakah pihak kementerian boleh memberi jaminan dalam Dewan ini bahawa apabila negara kita dalam keadaan huru-hara, gawat dan sebagainya, bahawasanya, makanan ternakan tidak akan naik?

Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, saya

ucap terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Tumpat yang begitu kuat perasaan kebangsaannya sehinggakan menimbulkan soal-soal gawat dan sebagainya. Jadi, sebagaimana biasa kementerian saya memang mengatur beberapa strategi untuk mengatasi sebagaimana yang saya terangkan tadi sehinggakan ubi keledek pun kita gunakan, pelepah sawit pun kita gunakan untuk alternatif-alternatif bila berlaku berbagai-bagai bencana terhadap negara kita. Tetapi walau bagaimanapun, tidak ada satu kerajaan dalam dunia ini yang boleh memberi jaminan. Saya yakin kerajaan Pas sendiri pun tidak boleh memberi jaminan kerana qada' dan qadar itu memang dari Allah S.W.T., jadi kita tidak boleh bercakap di luar daripada kemampuan kita. Kita sebagai manusia hanya berusaha, merancang tetapi yang menentukan hanya Allah S.W.T. Saya percaya orang Pas lebih alim dalam soal-soal ini. Janganlah kita bercakap ikut lepas perasaan sahaja, terutama dalam Dewan yang mulia ini.

Jadi, sepatutnya kita bersyukur kerana sehingga ini kita telah dapat banyak mengeluarkan bahan-bahan makanan. Cuma kita hendak cari jalan supaya kos pengeluaran jagung kita, kerana lebih kurang 80% daripada keperluan bahan makanan binatang ternakan itu ialah menggunakan jagung, jadi kita cuba cari dan insya-Allah, lambat-laun kita harap kita akan berjaya juga.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, dua jenis bahan makanan ternakan utama ialah jagung dan soya bean kek dan kedua-dua bahan ini masih dikenakan duti import. Saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri sama ada kerajaan berhasrat untuk menghapuskan duti import kedua-dua bahan ini demi untuk mengurangkan kos makanan ternakan?

Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Bagan, walaupun Yang Berhormat dari DAP, tetapi Yang Berhormat agaknya begitu selesa untuk membuat soalan dengan tidak begitu emotional. [Ketawa]

Memang benar apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat, dua jenis kandungan makanan ternakan iaitu jagung dan soya bean cake, ini yang penting, tetapi pada masa ini kementerian belum ada lagi cadangan. Walau bagaimanapun, kajian boleh dilakukan apabila ianya diperlukan supaya kita dapat mengkaji

agar kos pengeluaran ini akan dapat dikurangkan.

INSTITUT JANTUNG NEGARA - BILANGAN PESAKIT

2. **Dr. Tan Chong Keng [Bukit Mertajam]** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) bilangan pesakit jantung yang dirawat di Institut Jantung Negara (IJN) sejak IJN ditubuhkan; dan
- (b) jumlah bilangan doktor pakar jantung yang berkhidmat di semua hospital kerajaan di seluruh negara dan apakah rancangan latihan doktor pakar jantung yang dijalankan sekarang dan dirancangan untuk tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bilangan pesakit jantung yang dirawat di Institut Jantung Negara sejak IJN ditubuhkan pada September 1992 hingga Ogos 1996 adalah seperti berikut:-
 - (i) Pesakit Luar- 170,630 orang
 - (ii) Pesakit Dalam - 26,985 orang
 - (iii) Pembedahan
 - Jantung - 8,398 pembedahan
 - (iv) Prosedur
 - Kardiologi - 91,374 prosedur
 - (b) Di masa ini terdapat 3 orang pakar kardiotorasik dan 4 orang pakar kardiologi yang sedang berkhidmat di semua hospital kerajaan di seluruh negara, sementara 9 orang pakar lagi menjalani latihan, iaitu 4 orang dalam bidang kardiotorasik dan 5 orang lagi dalam bidang kardiologi.

Pakar-pakar yang berminat untuk membuat pengkhususan dalam bidang kardiotorasik dan kardiologi akan ditempatkan di jabatan-jabatan berkenaan di hospital-hospital Kementerian Kesihatan dan Institut Jantung Negara untuk menjalani latihan di bidang berkaitan. Di samping itu juga biasiswa disediakan bagi mereka untuk mendapatkan pendedahan dan bidang pengkhususan di luar negara.

Dr. Tan Chong Keng: Tuan Yang di-

Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri Kesihatan, memandangkan bilangan pakar jantung adalah begitu kurang, selain dari usaha kerajaan, apakah insentif dari segi pemotongan cukai dan sebagainya yang boleh diberikan kepada pihak swasta yang ingin membuat latihan untuk pakar-pakar jantung?

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan belum lagi memikirkan tentang soal itu.

Buat sementara ini pihak kerajaan telah melonggarkan levi yang dikenakan oleh kerajaan ke atas pakar-pakar yang dibawa masuk balik. Itu adalah merupakan satu insentif buat awalnya. Namun demikian, apabila kita campurkan pakar-pakar yang terdapat di dalam pusat kardiologi di dalam Kementerian Kesihatan dan dibandingkan dengan pusat-pusat swasta termasuk IJN, itu boleh dikatakan memenuhi keperluan kita.

Tuan Kamarudin bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapatkan penjelasan iaitu menyentuh tentang jawapan Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri tadi mengenai perkara (a) iaitu bilangan pesakit jantung. Saya percaya bilangan pesakit jantung memang ramai terdiri daripada pesakit-pesakit miskin dan tidak berupaya untuk membayar kepada IJN Sdn. Bhd. yang telah pun diswastakan. Apakah langkah kementerian sama ada menyediakan dana ataupun tabung bagi pesakit-pesakit miskin ini dan kalau 'ya', apakah cara permohonan yang dibuat oleh pesakit-pesakit miskin ini?

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pesakit-pesakit miskin untuk mendapat rawatan di IJN memanglah diberi subsidi oleh pihak kerajaan. Ini terpulang kepada rekod-rekod yang telah dimajukan oleh doktor yang berkenaan di peringkat daerah ataupun di peringkat hospital-hospital kerajaan yang telah di'verifikasi'kan ataupun disahkan oleh para pegawai medical social, dan selepas itu ditentukan oleh pihak IJN buat masa ini.

Namun demikian, kerajaan sedang memikirkan satu cara untuk membolehkan Kementerian Kesihatan sendiri yang menentukan tahap keperluan oleh pesakit yang kurang bernasib baik atau pesakit miskin, dan

taraf pembayaran mereka yang harus dikenakan ataupun subsidi yang mereka harus perolehi, bukan seperti sekarang yakni ditentukan oleh pihak IJN.

Kalau kita lihat pada statistik bagi tahun 1994 dan 1995 jumlah bagi pesakit dalaman (in-patient) adalah sebanyak 7,767 dan daripada sektor low income group, dengan izin, ataupun pesakit miskin adalah sebanyak 22.5%. Walaupun pada tahap yang mendapat rawatan luar iaitu out patient, dalam tahun yang sama daripada 45,312 sebanyak 7.8% adalah di kalangan mereka yang miskin. Tetapi bagi pesakit-pesakit yang miskin mereka lebih suka dirawat di hospital-hospital tempatan seperti di daerah-daerah, kerana keadaan sakit mereka itu adalah sakit yang tidak memerlukan satu tinjauan ataupun rawatan yang lebih berat seperti yang dihadapi oleh sebahagian besar pesakit-pesakit. Misalnya di kalangan pegawai kerajaan iaitu 23% ataupun pensioner iaitu 21.0% dan juga mereka dari sektor swasta yang mana jenis penyakit yang dihadapi oleh mereka ini adalah jenis hard block, iaitu penyakit orang kaya-kayalah. [Ketawa] Jadi, itulah perbezaan daripada statistik yang diberi rawatan di IJN bagi mereka yang kurang bernasib baik dengan yang dari sektor kerajaan.

TELEVISYEN - PROSEDUR PENAPISAN PROGRAM

3. **Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]** minta Menteri Penerangan menerangkan sekiranya ada dan prosedur penilaian dan penapisan program-program yang disiarkan melalui semua rangkaian dan televisyen di Malaysia:

- (a) berapa peratus daripada masa siaran televisyen mengandungi program-program yang boleh dianggap bernilai dari segi peningkat ilmu dan membangunkan potensi rakyat, apakah program-program tersebut; dan
- (b) tiada negara yang mampu menyekat rakyatnya dari menonton rancangan-rancangan televisyen daripada negara-negara yang tidak ketat undang-undang penapisannya kerana kecanggihan kemajuan teknologi. Apakah rancangan Kementerian Penerangan dalam usaha mendidik rakyat Malaysia supaya bijak menggunakan teknologi

maklumat video apabila tiba masanya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan pertama, sememangnya menjadi hasrat RTM untuk meningkatkan penyiaran program-programnya yang boleh dianggap bernilai dari segi peningkatan ilmu dan membangunkan potensi rakyat. Ianya disiarkan dengan menggunakan pelbagai kaedah yang antara satu sama lain saling bantu-membantu iaitu "entertainment, infortainment dan edutainment", dengan izin. Masa siaran penyaluran maklumat melalui "infortainment" dan "edutainment" sebanyak 52.3% meliputi berita, informati dan pendidikan. Manakala bakinya adalah melalui kaedah "entertainment" meliputi drama, kuiz dan "games show", dengan izin, seperti contohnya siri drama Nurhikmah, Opah, Hawa, Kuiz Perdana, Lingo, Pintas Pintar dan berbagai-bagai, dan Kanak-kanak Kilat yang juga menyelitkan mesej-mesej tertentu. Hanya sebanyak 4.8% sahaja rancangan berbentuk hiburan muzik dan melaluinya mesej-mesej telah pun diselitkan supaya memberi manfaat kepada penonton.

Mengenai soalan kedua, rancangan-rancangan televisyen yang dibawa masuk ke negara ini ditapis melalui pelbagai peringkat untuk memastikan gejala-gejala kurang sihat daripada menerobosi masyarakat:

- (i) tapisan filem dan video oleh Lembaga Penapisan Filem, Kementerian Dalam Negeri;
- (ii) tapisan dalaman oleh stesen penyiaran;
- (iii) kawalan peringkat pembekalan bahan; dan
- (iv) kawalan ibu bapa melalui kad pintar.

Kaedah yang paling berkesan ialah kawalan oleh ibu bapa di samping memperkuatkan kekebalan dalaman individu supaya mampu menangkis gejala-gejala negatif bukan sahaja yang dibawa masuk oleh bahan-bahan siaran televisyen, malahan teknologi-teknologi maklumat yang lain.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, bukannya sangat sedih bahawa oleh kerana tidak ada nilai yang murni semacam 'mengotai janji-janji' yang dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan, takut datang ke

Dewan untuk menjawab soalan sehingga dua minggu, oleh kerana tidak memenuhi janjinya, tunjuk 'surat' bahawa siaran Astro ialah sah

Beberapa Ahli: Soalan! Soalan!

Tuan Lim Kit Siang: dan bukannya mustahak bahawa pihak yang berkenaan memastikan bahawa program-program yang disiarkan adalah mengandungi nilai-nilai yang baik supaya rakyat boleh mengotai janji dan bukan mengikut contoh Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan. Kita masih menunggu surat. Jadi, saya harap Yang Berhormat Setiausaha Parlimen boleh mengemukakan surat itu.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tuan Yang di-Pertua, persoalan ini adalah 'tuntutan janji' sahaja, saya tidak tahu sama ada kenamengenakah dengan persoalan yang kita bangkitkan.

Sebenarnya kita telah pun berbincang secara panjang bilamana kita mengemukakan Akta Penyiaran dalam dua tiga minggu yang sudah di mana kita telah menjelaskan tentang siaran Astro dengan begitu terperinci.

Tuan Lim Kit Siang: Mana surat?

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Mengenai dengan 'surat ini' saya tidak tahumenahu dengan surat tersebut, tetapi dalam pengetahuan saya atau pengalaman saya, bahawa perkara ini telah dijelaskan dan dibincangkan secara panjang dalam sesi pembentangan Akta Penyiaran - sudah mencukupi untuk kita menjelaskan bahawa apa yang sedang dilakukan oleh Astro adalah benar dan sah serta sah.

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Salah satu daripada gejala-gejala kurang sihat dan negatif, yang saya rasa sering digunakan dalam siaran TV ialah penggunaan bahasa yang bercampur aduk, ataupun kita sebut "region language", misalnya karektor dalam drama dan sebagainya sering menggunakan Bahasa Malaysia kemudian berubah Bahasa Inggeris, sepatah dua Bahasa Malaysia, bercampur aduk dengan Bahasa Inggeris.

Jadi, ini sebenarnya menimbulkan kesan yang kurang sihat kepada kanak-kanak sekolah, terutama media TV itu dianggap sebagai salah satu daripada pendidikan. Apakah langkah

kementerian untuk menyekat gejala ini ataupun kementerian menganggap ini bukanlah suatu yang tidak baik?

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Kementerian memang sedar tentang keadaan ini di mana ada sedikit penggunaan bahasa yang kurang tetapi kita juga memahami bahawa tidak keseluruhan apa yang kita siarkan menerusi TV1, TV2 dan juga yang lain-lain mengandungi penggunaan bahasa yang bercampur aduk.

Kita sedar tentang perkara ini dan kita mengakui bahawa ada sedikit sebanyak kesan yang negatif tentang perkara ini dan kita telah dan sedang mengambil tindakan terhadap perkara ini. Bukan kita menganggap perkara ini tidak penting - penting sangat. Maka tindakan-tindakan, seperti di mana kita meminta sokong dan juga berbagai-bagai untuk mengadakan kursus agar badan dan pegawai-pegawai yang terlibat secara langsung dalam program-program agar tidak menggunakan bahasa campuran. Selain sebahagian daripada langkah-langkah yang sedang kita ambil, banyak lagi langkah-langkah yang kita ambil. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Dato' Haji Shukri bin Haji Mohamed.

[Soalan No.4 - Y.B Dato' Haji Shukri bin Haji Mohamed [Machang] tidak hadir]

TAN SRI DATUK WONG SOON KAI -

SIASATAN ATAS UGUTAN BUNUH

5. Tuan Lim Kit Siang [Tanjong] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan hasil siasatan pihak polis ke atas ugutan membunuh yang diterima oleh bekas Timbalan Ketua Menteri Sarawak, Datuk Wong Soon Kai, dalam tempoh pilihan raya Negeri Sarawak, dan sama ada kenyataan yang dibuat oleh Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Taib Mahmud, bahawa ugutan membunuh ini datang dari luar negeri berkenaan dan bahawa ia dilakukan oleh orang yang gila ataupun terdesak untuk mendapat satu kerusi adalah benar.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, kes ini masih dalam siasatan pihak polis di bawah Seksyen 506 Kanun Keseksaan. Setakat ini tiada sebarang tangkapan dibuat memandangkan

ketiadaan saksi-saksi yang tampil untuk membantu pihak polis.

Tuan Lim Kit Siang: Mengapa begitu lama, lebih satu bulan kes masih dalam siasatan. Adakah ini oleh kerana tiada alasan, tiada bukti atau tiada lead yang boleh digunakan untuk menjalankan siasatan dan untuk menunjukkan bahawa pendakwaan khasnya Ketua Menteri itu ada berasas? Kenapa pihak polis double standard dalam perkara ini di mana apabila ada laporan-laporan yang dibuat oleh pihak kerajaan Barisan Nasional, pihak polis ambil tindakan dengan serta-merta walhal ada masanya di mana tidak ada laporan polis dibuat semacam tuduhan Tan Sri Datuk Wong Soon Kai, bahawa ada "money politic" yang menyebabkan kekalahannya, pihak polis sendiri buat laporan supaya boleh memulakan penyiasatan tetapi apabila pihak pembangkang buat laporan, semacam laporan yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Bintulu mengenai "money politic" di Bintulu dan dilakukan oleh bekas Member of Parliament Bintulu - Ting Ling Kiew, pihak polis tidak ada ambil apa-apa tindakan. Kenapa ada double standard di sini?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, dakwaan kata polis double standard itu tidak benar sama sekali. Dan saya baru sebentar telah katakan kes yang dilaporkan oleh Tan Sri Datuk Wong Soon Kai ini, oleh kerana tidak ada saksi-saksi yang tampil ke hadapan. Kalau tidak ada saksi, apa polis boleh buat. Kita tidak boleh ambil tindakan walaupun tidak ada bukti dia ada saksi.

Mengenai laporan-laporan yang lain memang polis pun ambil serius yang sama tetapi tidak boleh suka-suka tunjuk sahaja beri tahu orang kita ada tindakan maka kita pergi tangkap sahaja orang-orang tanpa bukti. Walau bagaimanapun saya sekali lagi hendak tegaskan Polis Diraja Malaysia tidak kira di Sarawak atau di mana, sentiasa pegang kepada prinsip menjalankan tugas secara profesional.

PELAJAR TAJAAN DI UNIVERSITI AL-AZHAR, MESIRDAN TIMUR TENGAH - BILANGAN

6. Tuan Haji Mustafa bin Muda [Hulu Terengganu] minta Menteri Pendidikan menyatakan memandangkan ramai pelajar persendirian yang telah belajar di Universiti Al-Azhar, Mesir dan setengahnya ditaja oleh kumpulan tertentu, adakah kementerian

mempunyai rekod bilangan pelajar-pelajar dari negara ini yang sedang belajar di Universiti Al-Azhar yang tersebut atau universiti-universiti di negara-negara Islam yang lain?

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 1996 bilangan pelajar tajaan yang belajar di Timur Tengah ialah seramai 1,669 orang dan pelajar persendirian pula seramai 4,533 orang.

Bilangan pelajar Malaysia di Universiti Al-Azhar, Mesir adalah seramai 4,567 orang dan kebanyakannya mengambil kursus-kursus yang berkaitan dengan pengajian Islam dan Bahasa Arab.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita dapati, Tuan Yang di-Pertua, banyak penuntut sama ada daripada sekolah-sekolah agama kerajaan ataupun daripada sekolah agama rakyat mahupun pondok-pondok, yang memohon untuk memasuki Universiti Al-Azhar tetapi mereka tidak berpeluang - ada yang berjaya, ada yang tidak. Persoalannya, apakah akan terjadi kepada mereka ini yang tidak berjaya dan sejauh manakah mereka dapat ditempatkan di dalam universiti-universiti tempatan? Di samping itu juga peluang pekerjaan mereka dalam bidang keagamaan ini agak begitu terhad. Untuk keagamaan sahaja, mungkin sekadar menjadi kadi ataupun Yang Dipertua Majlis Agama dan sebagainya, itu maksimum.

Jadi, adakah kerajaan juga mengkaji untuk memastikan bahawa penuntut-penuntut Islam lulusan Universiti Al-Azhar dan sebagainya ini dapat ditempatkan peluang-peluang pekerjaan kerana mereka mungkin juga apabila kita beri kursus pentadbiran di INTAN dan sebagainya mereka keluar menjadi Pegawai Daerah yang lebih baik kerana mereka mempunyai kelulusan keagamaan. Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, di Yan juga ada cawangan Universiti Al-Azhar, jadi, saya harap juga Kementerian Pendidikan akan dapat memberi sokongan kewangan untuk kita membangun cawangan Universiti Al-Azhar di negeri Kedah.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, pelajar-pelajar yang memohon hendak pergi ke universiti-universiti di Timur Tengah ini secara bersendirian kenalah memenuhi syarat-syarat

yang ditentukan oleh universiti-universiti itu sendiri. Kita maklum tentang urusan yang dibuat ini setakat yang kita tahu dan kita maklum juga yang mana dapat memenuhi syarat-syarat itu, biasanya mereka diberi tempat mengikut keutamaan-keutamaan universiti yang berkaitan - yang pertama. Yang keduanya, di universiti-universiti tempatan pun setiap tahun, setiap kali ada kemasukan, mereka yang mempunyai syarat-syarat yang cukup diberikan peluang belaka berdasarkan bilangan tempat-tempat yang sedia ada.

Yang kedua tentang soal peluang kerja, pelajar-pelajar yang kita taja biasanya tidak menghadapi banyak masalah untuk mendapatkan tempat-tempat pekerjaan. Kita maklum perkara ini banyak timbul di kalangan pelajar-pelajar persendirian. Namun demikian, setakat yang kita termampu terutama sekali bagi membolehkan calon-calon pelajar di universiti tempatan dan selepas itu keluar dari universiti-universiti berkenaan, ini memang ada kita selaraskan bagi cuba memastikan mereka itu dapat ditampung dalam pelbagai pekerjaan mengikut jurusan masing-masing.

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu dari Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah kerajaan bercadang untuk mewujudkan universiti berkembar dengan Universiti Al-Azhar atau lain-lain universiti yang sealiran dengan Dasar Pendidikan Negara kerana permintaan terhadap bidang ini begitu banyak dan adakah kerajaan bercadang untuk menggalakkan pembabitan swasta dalam soal ini?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tuan Yang di-Pertua, sama ada satu-satu universiti hendak mengadakan twinning programme ataupun pengajian berkembar ini banyak bergantung kepada pihak yang ingin berbuat demikian.

Setakat ini, dari segi universiti ataupun institusi pengajian tinggi awam di negara kita ini, kita mempunyai hubungan yang banyak, tetapi belum sampai ke tahap itu.

TENAGA ELEKTRIK - CADANGAN MEWUJUDKAN SUMBER BARU

7. Tuan Noh bin Omar [Tanjong Karang] minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan adakah pihak kementerian

bercadang untuk mewujudkan lebih dari satu sumber tenaga elektrik selain dari TNB untuk menampung kepesatan pembangunan di negara ini yang memerlukan bekalan elektrik yang tinggi dan peralatan elektronik yang lebih canggih.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah pun melesenkan pihak selain dari TNB untuk menjana dan menjual tenaga elektrik kepada Tenaga Nasional Berhad semenjak tahun 1994 untuk memenuhi permintaan elektrik yang meningkat dengan pesatnya.

Selain daripada itu, TNB turut memperkembang dan memperkukuhkan sistem rangkaian penghantaran dan pengagihan bagi menjamin kualiti bekalan elektrik yang lebih baik serta membuat senggaraan yang berkesan ke atas peralatan-peralatan dan jenteranya.

Dalam aspek ini, peralatan dan sistem kerja yang canggih digunakan oleh TNB pada masa ini. Antara lain, ini termasuk perkara-perkara seperti berikut:-

- (i) penggunaan komputer dan sistem automatik dalam sebahagian besar operasinya;
- (ii) menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan wayar elektrik yang hidup (life line), untuk membolehkan penyelenggaraan tanpa memotong bekalan;
- (iii) mengganti wayar tanpa tebat dengan wayar bertebat yang boleh mengurangkan kerosakan talian disebabkan gangguan pokok-pokok; dan
- (iv) menggunakan fort locating indicators, dengan izin, dalam sistem pembahagiannya untuk mengesan kerosakan dengan cepat.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: [Bangun]

Tuan Zainal Abidin bin Osman: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Rompin.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Rompin ya.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya. Yang di belakang berdiri. Beri Rompin dahulu.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Rompin ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, ya. Yang di belakang saya minta duduk. [Ketawa]

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Rompin dahulukah atau Mersing dahulu, Tuan Yang di-Pertua? [Disampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang di belakang, duduk. Rompin dahulu.

Seorang Ahli: Beri jalan.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, ini soalan tambahan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Baru-baru ini di dalam akhbar kita mendengar keluhan kerajaan bahawa kita ada kelebihan tenaga yang dijanakan di negara kita. Oleh itu, Perdana Menteri telah memutuskan agar penswastan tenaga ini dikaji semula.

Saya hendak bertanya sama ada kerajaan dengan kelebihan tenaga elektrik yang ada ini kita jadikan satu opportunity. Adakah kerajaan bercadang untuk mengeksport tenaga berlebihan yang ada ini kepada negara-negara jiran yang kita dengar juga di dalam akhbar tidak lama dahulu kekurangan tenaga?

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, kelebihan tenaga yang kita hadapi ini adalah untuk sementara waktu sahaja, tetapi bila sampai dua tiga tahun yang akan datang ini, dengan perkembangan yang begitu pesat yang dialami oleh negara, kita mungkin akan menghadapi kekurangan tenaga juga. Maka saya hendak menegaskan di sini bahawa kelebihan ini adalah untuk rancangan masa depan.

Walau bagaimanapun, pihak kerajaan telah pun mengadakan perundingan dengan beberapa buah negara jiran termasuk negara Thai untuk

mengeksport kelebihan tenaga ini kepada negara Thai.

Tuan Zainal Abidin bin Osman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pihak TNB telah berjanji untuk menyediakan bekalan api 24 jam menjelang Jun tahun ini ke seluruh Felda Gugusan Tenggaroh yang terletak di kawasan Parlimen saya. Walau bagaimanapun, tarikh ini telah dilanjutkan hingga awal tahun 1997. Oleh kerana hingga sekarang tidak kedengaran kemajuannya, saya ingin pengesahan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada menjelang tarikh tersebut, bolehkah bekalan tersebut diadakan, dan jika tidak, apakah masalah yang dihadapi memandangkan peruntukan untuk projek tersebut telah pun disediakan?

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar mengenai perkara ini. Walau bagaimanapun, saya akan mengkaji sendiri secara mendalam dan saya akan memberikan satu laporan secara bertulis kepada Yang Berhormat seberapa cepat yang boleh.

KAD PENGENALAN BARU KEPADA WARGANEGARA DI SABAH - STATUS KEPENDUDUKAN

8. Datuk Joseph Pairin Kitingan [Keningau] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan mengapa dalam pengeluaran kad pengenalan baru kepada warganegara Malaysia di Sabah ada di antara mereka diberi kad pengenalan baru dengan perkataan "Penduduk Sementara" walhal mereka adalah penduduk asal Sabah.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar bahawa terdapat rakyat yang bertaraf warganegara Malaysia di Sabah telah dikeluarkan kad pengenalan sebagai Penduduk Sementara atau kad pengenalan berwarna hijau.

Walaupun bagaimanapun, memang benar berdaftar sebilangan mereka yang dilahirkan di Sabah dikeluarkan kad pengenalan hijau semasa memohon kad pengenalan keluaran pertama ketika mencapai umur 12 tahun. Pemegang kad pengenalan hijau ini adalah bertaraf penduduk sementara kerana kedua-dua ibu bapa mereka tidak mempunyai taraf warganegara atau penduduk tetap.

Tuan Yunof Edward Maringking: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya kagum dengan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri oleh kerana beberapa kejadian didapati

di kawasan saya sendiri di mana kita kenal orang itu - bukan sahaja kita kenal, bahkan ibu bapanya memang orang tempatan, sedangkan bapanya adalah seorang ketua kampung. Namun demikian, anaknya itu diberi kad pengenalan plastik bermutu tinggi yang baru, tetapi tertulis di situ bahawa dia adalah penduduk sementara. Jadi saya fikir, bukan saya menuduh kementerian bahawa ini adalah sesuatu yang disengajakan, tetapi mungkin ada perkara yang tidak kena di bahagian pendaftaran dan kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri inginkan bukti, mungkin Yang Berhormat dari Keningau juga boleh memberi bukti di kawasannya sendiri dan di tempat saya sendiri. Persoalan saya di sini, adakah kementerian sedia untuk menyiasat perkara ini kalau sudah ada bukti yang disampaikan kepada kementerian?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya bukti itu kukuh, saya bersedia untuk menyiasat. Apa yang saya ingin jelaskan di sini, apa-apa taraf yang kita sebut tentang ibu bapa itu, ia mesti mengikut dokumen. Maknanya, kita tidak boleh mengatakan ibu bapa itu kalau dia penduduk tetap atau warganegara, kita mesti tengok bahawa dia ada dokumen penduduk tetap, warganegara atau tidak. Itu satu faktor yang penting.

Yang kedua ialah anak yang kita sebut-sebut di sini tentang tarafnya, dia mesti ada surat lahir dan surat lahir itu, sekurang-kurangnya salah seorang ibu atau bapanya mestilah tercatat namanya di atas surat lahir itu yang terbukti ada taraf warganegara atau penduduk tetap pada masa orang itu dilahirkan.

Jadi ini semuanya adalah teknikal dan mengikut Perlembagaan. Kalau ada sesiapa mematuhi Perlembagaan Persekutuan dan tidak diberikan taraf, sesiapa boleh bawa pergi ke mahkamah - unconstitutional. Saya hairan mendengar satu dakwaan macam itu. Tetapi saya sedia menyiasat. Kalau bukti itu benar, saya mahu lihat apa yang sebenarnya berlaku.

Tuan Henrynus Amin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya tertarik dengan kenyataan Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai dengan keperluan surat lahir. Apa yang kita sedari pada ketika ini, dalam kita memperbaharui kad pengenalan kita, di Sabah dan juga saya fikir di negeri-negeri yang lain tidak perlu untuk menunjukkan surat lahir untuk memperbaharui.

Jadi, untuk mengelakkan masalah kemungkinan ramai di antara pemilik-pemilik kad pengenalan yang telah mendapatkannya melalui kaedah-kaedah yang dicurigai, adakah Kementerian bercadang untuk mewajibkan pemohon-pemohon untuk membaharui kad pengenalan kepada kad pengenalan yang baru dengan membawa surat kelahiran mereka bagi negeri Sabah memandangkan kes-kes pemalsuan kad pengenalan begitu berleluasa sekali?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, walaupun soalan tambahan ini keluar sedikit daripada soalan asal tetapi saya sedia untuk jawab. Yang kata tukar kad pengenalan ini diwajibkan dengan surat kelahiran, ia tidak akan mempengaruhi keputusan kerana operasi menukar kad pengenalan ini, tunjuk atau tidak surat lahir, kad pengenalan itu tetap akan dirujuk kepada Ibu pejabat di Kuala Lumpur di mana pendua asalnya telah pun disimpan di Ibu pejabat. Pada masa itulah kita bukti sahkan orang itu 'genuine' atau tidak. Kalau dia tidak beri surat lahir pun tetap permohonan itu kena rujuk di Kuala Lumpur. Jadi, sama ada ada atau tidak sijil itu, ia tidak akan beri apa-apa perbezaan. Walaupun kita tahu ramai pendatang asing cuba gunakan kad palsu untuk memohon tetapi semua kad-kad palsu itu ditolak, sejauh pengetahuan saya, sama ada pada peringkat Sabah atau Kuala Lumpur. Surat lahir ini yang timbul oleh soalan asal hanya diwajibkan pada masa mereka memohon kad pengenalan pertama iaitu pada umur 12 tahun. Pada umur 12 tahun semua diwajibkan surat lahir, cuma pertukaran KPT itu tidak perlu. Saya rasa itu cukup Jelas.

KENAIKAN HARGA AYAM - TINDAKAN KAWALAN

9. Tuan Badrul Hisham bin Abdul Aziz [Hulu Langat] minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan memandangkan berlakunya penurunan harga ayam baru-baru ini, adakah Kementerian telah mengesan sebarang taktik untuk menaikkan harga berkenaan untuk mendapatkan keuntungan yang lebih. Walaupun harga ayam mentah telah turun, tetapi harga ayam masak tetap kekal pada tampuk lama, apakah tindakan kerajaan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian
Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal**

Pengguna [Datuk Tan Chai Ho]: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini harga daging ayam di ladang ialah RM2.70 sekilogram, harga borong ialah RM3.20 sekilogram, harga runcit ayam bersih ialah RM4.45 sekilogram. Harga runcit tertinggi ayam bersih pada tahun 1996 ialah RM4.95 sekilogram bagi tempoh empat bulan iaitu 10hb. Mei, 96 hingga 10hb. September, 96. Harga terendah ialah RM3.00 sekilogram iaitu bagi tempoh 20hb. Mac, 96 hingga 2hb. April, 96 berbanding dengan harga purata sebanyak RM4.15 sekilogram.

Setakat yang diketahui turun naik harga bukanlah kerana taktik pihak-pihak tertentu untuk mendapatkan keuntungan yang berlebihan tetapi adalah disebabkan tekanan permintaan dan bekalan. Untuk makluman ahli Dewan yang mulia, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna tidak mengawal harga ayam yang dimasak.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan jawapan Datuk Setiausaha Parlimen bahawa harga ayam ini tertakluk kepada keadaan permintaan dan juga bekalan. Jadi, apabila permintaan tinggi dan bekalan kurang pasti sekali harganya tinggi. Jadi, tidak lama lagi, dalam awal tahun 1997 masyarakat Cina dan orang Islam akan menyambut musim Hari Raya Cina dan Hari Raya Puasa serentak. Jadi, pada masa tersebut saya yakin permintaan untuk ayam begitu tinggi. Saya hendak minta penjelasan atau jaminan daripada Kementerian adakah bekalan ayam akan mencukupi dan harga runcit nanti adalah berpatutan kepada semua pengguna?

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Kementerian ini telah membuat persediaan awal untuk menyambut musim-musim perayaan seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dan beberapa langkah yang sewajarnya pun telah diambil seperti menentukan bekalan anak ayam sehari iaitu (DOC) sentiasa mencukupi.

Kedua, kelonggaran syarat diberi bagi pengimportan ayam hidup dan ayam beku sekiranya berlaku kekurangan. Ketiga Kementerian ini sentiasa mengadakan perbincangan dengan pihak Jabatan Haiwan dan Persatuan Penternak Ayam dan Persatuan Pemborong dan Penjual Ayam supaya memastikan bekalan ayam mencukupi dan seperti yang dimaklumkan kerajaan telah

mewartakan ayam sebagai barang berjadual di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 supaya semua urusan niaga ayam dilesenkan.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, negara kita memerlukan bekalan ayam dianggarkan kira-kira 800,000 ekor sehari pada hari-hari biasa dan pada musim perayaan keperluan ini akan meningkat dan akan dijangkakan kira-kira 1 juta ekor sehari. Dengan itu, saya boleh katakan ahli-ahli Yang Berhormat jangan bimbang dan risau, bekalan ayam akan mencukupi. *[Ketawa]*

Dr. Nungsi bin Ahmad Radhi: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengenai dengan ayam ini, proses daripada anak ayam hendak besar; daripada anak ke peringkat ayam boleh dimakan adalah satu proses yang kita ketahui bukannya satu proses yang rambang. Tiga bulan, dua bulan, kita tahu. Tarikh-tarikh ataupun tempoh-tempoh yang mana kita tahu ada peningkatan permintaan pun kita tahu. Jadi, tidak ada ketidakpastian dalam proses pengeluaran dan bila yang ada pertambahan permintaan yang jelas, tetapi kita dapati bahawa pada musim-musim di mana permintaan tinggi harga dinaikkan juga. Jadi, ini menunjukkan sememangnya perkara ini adalah berlaku kerana taktik ini digunakan oleh pengeluar-pengeluar ayam.

Jadi, saya tidak bersetuju dengan kementerian bahawa tidak ada sebarang taktik untuk menaikkan harga ayam ini. Jadi, saya ingin bertanya kepada kementerian adakah kementerian mengambil kira perkara-perkara lain yang mana membolehkan harga ayam ini untuk dinaikkan harga secara bermusim walaupun tidak ada ketidakpastian dalam proses pengeluaran dan juga bila permintaan itu naik?

Soalan yang kedua ialah adakah juga kementerian melihat kepada halangan-halangan untuk orang lain memasuki industri pengeluaran ayam ini yang menyebabkan supply tidak cukup pada musim-musim perayaan di mana permintaan meningkat dengan mendadak?

Datuk Tan Chai Ho: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tidak ada apa-apa halangan untuk orang yang minat hendak masuk perindustrian ayam. Jadi, sesiapa yang hendak berniaga ayam terus berniaga ataupun keluarkan ayam. Jadi, berkenaan ada pihak-pihak yang menggunakan taktik untuk menetapkan harga ayam, setakat ini saya kata, kementerian ini sudah buat

pemeriksaan tetapi tidak dapat apa-apa taktik yang digunakan oleh penternak-penternak ayam supaya harganya dinaikkan dengan sewenang-wenangnya dan jikalau Yang Berhormat ada mempunyai apa-apa bukti bolehlah beri kementerian ini, saya akan menyiasat perkara ini. *[Tepuk]*

RAKAN MUDA, WIRA USAHA DAN WIRA MAHIR - KEJAYAAN

10. **Tuan Yeong Chee Wah [Batu Gajah]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) sejauh manakah kejayaan Rakan Muda, Rakan Wira Usaha dan Wira Mahir setakat ini; dan
- (b) apakah tindakan sedang dan akan diambil untuk meningkatkan kesedaran belia supaya mereka lebih bertumpu kepada kepentingan negara daripada peribadi sendiri.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil]: Tuan Yang di-Pertua, kejayaan Rakan Wira Usaha dan Wira Mahir boleh dilihat dari dua segi iaitu penawaran program baru dan pengembangan program sedia ada di bawah Kementerian Belia dan Sukan. Dari segi penawaran program baru Rakan Muda, Wira Usaha dan Wira Mahir telah memperkenalkan program perantisan belia nasional yang memberi latihan kemahiran kepada peserta-peserta secara 'hands on' di syarikat-syarikat yang akan terus menawarkan pekerjaan kepada pelatih-pelatih.

Program ini telah mendapat sokongan daripada syarikat-syarikat swasta dan sejumlah 250 peserta sedang dan akan mengikut pelbagai kursus sehingga akhir tahun ini. Manakala dari segi pengembangan program pula, Program Tabung Amanah Ekonomi Belia yang dikelolakan oleh kementerian telah disesuaikan dengan perkembangan baru seperti perniagaan franchise, vendor dan agensi. Sehingga 26 September, 1966, Tabung Amanah Ekonomi Belia ini telah menerima 423 permohonan. Dan dari jumlah itu, 211 telah diluluskan bernilai RM 4,000,690. Melihat dari segi latihan pula, seramai 5400 peserta telah mengikut kursus keusahawanan di peringkat negeri, dan seramai 1560 mengikut kursus di Institut Kemahiran Belia Negara, Ipoh. Kementerian ini juga akan memperluaskan lagi peluang-peluang latihan di

semua IKBN di seluruh negara dengan mengadakan kursus luar kampus dan kursus hujung minggu.

Tuan Yang di-Pertua, semua program yang digubal dan ditawarkan oleh Kementerian Belia dan Sukan sentiasa memberi tumpuan kepada pembentukan generasi belia yang bertanggungjawab dan produktif. Kurikulum setiap program yang dianjurkan mengandungi modul-modul ketatanegaraan, kemasyarakatan dan kesejagatan. Para belia yang mengikuti program akan diterapkan dengan elemen akhlak diri, perhubungan sosial patriotisme dan nilai tanggungjawab yang tinggi.

Di antara program yang sedang berjalan yang memberi tumpuan khusus kepada perkara ini ialah Program Rakan Muda, Program Pimpinan Perdana dan Program Bina Sahsiah.

Tuan Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan Rakan Muda bukanlah merupakan satu persatuan belia yang berdaftar, tetapi ahli-ahlinya begitu ramai, dan majoriti ahli-ahli yang berdaftar dengan Rakan Muda ini kita dapati belum lagi menjadi mana-mana ahli persatuan belia. Memandangkan kita amat penting untuk melahirkan golongan belia yang tahu hidup berpersatuan dan hidup berorganisasi, maka saya ingin mendapatkan penjelasan, adakah kementerian bercadang untuk memastikan setiap ahli Rakan Muda yang ingin mengambil bahagian dalam mana-mana program Rakan Muda hendak diwajibkan menjadi ahli mana-mana persatuan belia terlebih dahulu?

Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kementerian belum lagi mengambil langkah positif untuk menentukan bahawa semua peserta program Rakan Muda itu semestinya menjadi ahli persatuan belia. Walau bagaimanapun, kita telah mengambil beberapa langkah supaya dapat menggalakkan peserta-peserta ini menjadi ahli persatuan. Ini terpulanglah kepada persatuan masing-masing supaya mengadakan program mereka tersendiri supaya dapat menggalakkan peserta-peserta ini menjadi persatuan belia mereka.

Tuan Yeong Chee Wah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan dari Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, apakah langkah-langkah yang berkesan untuk meningkatkan produktiviti

pembangunan ekonomi sejajar dengan tuntutan masa, memandangkan hampir 200,000 sumber tenaga muda terbiar tanpa mendapat latihan mahir kerana mereka beralih kepada sektor swasta?

Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil: Tuan Yang di-Pertua, kami di kementerian percaya bahawa segala usaha yang diambil untuk menentukan daya tenaga muda itu produktif dan dapat diserapkan di pihak swasta, adalah satu daya usaha yang harus diambil bukan hanya oleh pihak kerajaan tetapi pihak swasta juga. Sepertimana saya nyatakan kami di kementerian mengadakan beberapa program yang begitu produktif, dan jika ibu bapa mengambil masa dan mengambil peluang yang telah diadakan di kementerian, insya-Allah, saya rasa 200,000 yang mana Ahli Yang Berhormat kata tadi itu, yang menganggur atau lepak dan tidak menjalankan kerja yang produktif tidak akan terjadi. Jadi, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyeru semua pihak sama ada keluarga, masyarakat, kerajaan dan mana-mana agensi lain supaya bekerjasama untuk menentukan perkara yang negatif ini tidak berlaku.

AMERIKA SERANG IRAQ - PENDIRIAN MALAYSIA

11. **Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan pendirian Malaysia terhadap tindakan Amerika Syarikat melancarkan serangan terbaru ke atas Iraq. Apakah Malaysia telah mengemukakan bantahan rasmi mengenainya.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood bertarikh 20hb. November, 1996.

Serangan Amerika Syarikat ke atas Iraq yang dilakukan pada 3 dan 4 September, 1996 yang lalu adalah dilakukan secara unilateral. Tindakan tersebut jelas bertentangan dengan prinsip piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai hak kedaulatan sesebuah negara. Tindakan bersendirian Amerika Syarikat itu telah mendapat bantahan dari banyak pihak di dunia, terutamanya negara-negara Islam, termasuklah Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan Amerika Syarikat ke atas Iraq itu dibuat tanpa merujuk terlebih dahulu kepada Majlis Keselamatan PBB (Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu) serta membelakangkan saluran-saluran yang sedia ada. Walaupun Malaysia tidak bersetuju dengan tindakan Iraq menghantar tenteranya ke bahagian Utara negaranya, tindakan melalui Amerika Syarikat tanpa mencuba terlebih dahulu usaha-usaha lain bagi mencari jalan penyelesaian amatlah dikesali dan mendukacitakan.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia menggesa supaya kestabilan dan kedamaian di rantau tersebut dapat diwujudkan secepat mungkin dan dikekalkan. Tindakan Amerika Syarikat menyerang Iraq baru-baru ini bukan sahaja bercanggah dengan resolusi No. 688 Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, malah telah mengorbankan jiwa termasuk nyawa orang-orang awam. Malaysia menyeru pihak-pihak yang terlibat agar dapat melakukan sesuatu untuk menyelesaikan konflik yang wujud itu secepat mungkin. Malaysia juga mahu kestabilan di wilayah yang dipertikaikan dapat dipulihkan kembali dan di waktu yang sama kuasa besar tidak harus campur tangan di dalam krisis ini. Jadi, Malaysia berharap satu pendekatan yang serius dan konkrit bagi mencapai penyelesaian politik yang menyeluruh di rantau tersebut oleh pihak-pihak berkenaan dapat diambil segera.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, kita mengetahui bahawa tindakan Amerika adalah membelakangkan kewujudan Majlis Keselamatan PBB. Di dalam masa Malaysia sekarang ini menjadi Presiden Perhimpunan Agung PBB, General Assembly (UNGA) adakah kita memainkan peranan supaya struktur Majlis Keselamatan PBB itu tidak lagi dimonopolikan oleh kuasa-kuasa besar, malahan sebagaimana kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, ianya juga harus dikongsi oleh negara-negara lain supaya negara-negara yang mempunyai monopoli itu juga akan mempunyai ahli dalam Majlis Keselamatan daripada negara-negara yang boleh dipilih menerusi UNGA?

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memang negara kita Malaysia menerusi usaha-usaha yang kita tingkatkan di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau UN

untuk menggesakan supaya reformasi atau restructuring UN Security Council dapat dijalankan dan masih dalam perbincangan. Kita telah mencadangkan supaya badan ini lebih demokrasi dan juga kita mencadangkan supaya ia ada representation secara geografi termasuk Asia, Afrika dan juga negara-negara yang membangun, dan menggambarkan bahawa penglibatan dalam Security Council ini adalah secara menyeluruh dan lebih adil.

Tuan Hashim bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, apakah negara-negara Asean selalunya sekata dalam menangani isu-isu antarabangsa seperti membantah tindakan melalui Amerika terhadap Iraq ini?

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Boleh ulangkan soalan itu?

Tuan Hashim bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, apakah negara-negara Asean sekata dalam menangani isu-isu antarabangsa seperti membantah tindakan melalui Amerika terhadap Iraq ini?

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah seperti ini kita memang boleh dinyatakan menyokong secara bersepadu dalam Asean dan menyediakan tindakan untuk membantah perkara seperti ini, tetapi pada masa kini, seperti yang saya katakan, Malaysia telah menyatakan dengan jelas menerusi ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita di Majlis Perhimpunan Agung pada tahun ini dan juga menerusi suara-suara di United Nation, Security Council kita, di mana kita telah menyatakan bahawa kita tidak menyokong tindakan Amerika itu, yang sebenarnya satu tindakan yang uni-lateral sahaja.

PENGIKLANAN JAWATAN - PERTIMBANGAN

12. Tuan Robert Lau Hoi Chew [Sibu] minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada kerajaan dapat mempertimbangkan untuk mengiklankan semua jawatan-jawatan kenaikan pangkat kepada semua pemohon-pemohon yang berkecualan untuk memohon.

Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]: Tuan Yang di-Pertua, urusan kenaikan pangkat yang dilaksanakan secara iklan pernah dilaksanakan di masa lepas. Cara ini kurang memuaskan kerana ada guru yang terlepas pandang dan ada

pula yang terlupa untuk memohon. Oleh itu semua urusan kenaikan pangkat dijalankan tanpa iklan dan semua calon yang layak, dipertimbangkan mengikut proses dan prosedur yang ditetapkan oleh Lembaga Kenaikan Pangkat.

PENCEMARAN BAHASA MALAYSIA - LANGKAH MENGATASI

13. Cik Sukinam Domo [Batang Sadong] minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) apakah tindakan kementerian untuk mengatasi masalah pencemaran bahasa Malaysia di TV khususnya sarikata dalam bahasa Malaysia begitu bercelaru; dan
- (b) apakah tindakan kementerian untuk memperbaiki dan meningkatkan mutu pembacaan berita, pengulas sukan, pengulas sesuatu majlis/acara/aktiviti oleh pembaca dan pengulas di radio negeri atau daerah.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Tuan Yang di-Pertua, bahasa Malaysia dalam rancangan-rancangan radio dan televisyen kecuali Berita, Ucapan Khas dan yang setanding dengannya adalah bahasa pertuturan yang lazim dipakai oleh sebahagian besar masyarakat Malaysia. Kita tidak menafikan bahawa terdapat sebahagian hasil kerja penulisan sarikata pembacaan berita, pengulasan sukan dan sebagainya yang agak kurang memuaskan. Dalam hal ini langkah-langkah sedang dan akan terus dilaksanakan untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan RTM dari masa kesemasa termasuk, antaranya membimbing dan memberi latihan kepada anggota yang terlibat dalam bidang kerja ini.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin bertanya soalan tambahan kepada Setiausaha Parlimen, akhir-akhir ini kita nampak RTM tidak langsung menggalakkan perkembangan Bahasa Malaysia. Kita tengok drama-drama pun penuh dengan bahasa Inggeris. Selepas itu kita tengok ucapan-ucapan menteri, temuramah-temuramah dengan menteri pun dalam bahasa Inggeris. Sepatutnya, tidak bolehkah RTM ini bila hendak temuramah dengan menteri itu, khabarkan kepada menteri itu "tolong, ini Warta Berita, tolong cakap Bahasa Kebangsaan, kalau tidak kami tidak siar" ataupun, kalau dia

bercakap Bahasa Kebangsaan, tulis dalam bahasa Inggeris sub-titlenya kalau hendak tolong orang biar bagus dalam bahasa Inggeris. Dalam drama beritahu, apa sebab hendak tunjuk, kalau keluarga itu bahagia dan berjaya, mesti tahu bahasa Inggeris. Saya tengok drama Jepun semua bahasa Jepun. Ini, macam kita beri advertisement *DUNHILL* - kita tunjuk keluarga yang berjaya - *DUNHILL*, ditunjukkanlah, siapa yang hisap rokok *DUNHILL* itu berjaya. Ini sama juga, dalam drama itu dia mesti kata "mama" "papa" "daddy" - jangan todi sudahlah. [Ketawa].

Jadi, ini menunjukkan orang yang berjaya itu mesti tahu bahasa Inggeris - jadi, ini kita tidak menggalakkan Bahasa Malaysia. Tidak bolehkah RTM membuat satu syarat tertentu supaya menolong mengembangkan bahasa Malaysia ini?

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Yang Berhormat dari Pokok Sena, seperti yang kita katakan tadi, kita memang mengakui bahawa ada sedikit hasil yang telah dikeluarkan oleh pihak kita agak tidak memuaskan, maka kita mengambil langkah-langkah seperti yang saya nyatakan, seperti melatih orang-orang kita, memberi garis panduan tertentu dalam penggunaan Bahasa Malaysia. Memang kita tidak lupa tentang pertanggungjawaban kita dalam mempertingkatkan penggunaan Bahasa Malaysia. Dalam pengeluaran lesen kita tekankan bahawa sebahagian rangkaian, kadang-kadang 60% daripada itu kita tetapkan bahawa keluaran siaran haruslah berbentuk dalam Bahasa Malaysia dan 40% bahasa lain. Maka itu ada usaha sedikit sebanyak penggalakan dari pihak kementerian.

Manakala dari segi temuramah seperti Ahli Yang Berhormat bangkitkan tadi, kita memang ada dua rangkaian, satu rangkaian RTM1 dan RTM2. Bilamana Berita kita siarkan, di RTM1 dalam bahasa Malaysia dan di RTM2 jam 8.00 bahasa Inggeris dan bilamana kita interview, Menteri dan Timbalan Menteri apatah lagi Setiausaha Parlimen, kita memang tekankan dalam penggunaan Bahasa Malaysia, tetapi tidak dapat elakkan bilamana mereka menjawab menggunakan bahasa orang putih, bilamana pula ia mengandungi berita dan maklumat yang cukup penting, terpaksa kita gunakan oleh kerana ia adalah 'newsworthy' yang ada maklumat yang cukup penting yang kita hendak sebarkan kepada masyarakat kita.

Maka itulah kemungkinan sebahagiannya melencong sedikit. Ini adalah keadaan yang tidak mengizinkan dan kita mengambil langkah yang cukup baik mengenai teguran yang diberikan oleh Ahli Yang Berhormat Pokok Sena tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa soal-jawab sudah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No.4, 14 hingga 36 akan dijilid dalam buku berasingan]

**RANG UNDANG-UNDANG DI BAWA
KE DALAM MESYUARAT**

**RANG UNDANG-UNDANG PERGIGIAN
(PINDAAN) 1996**

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Pergigian 1971; di bawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kesihatan; dibaca kali yang pertama, akan dibacakan kali yang kedua pada mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

**RANG UNDANG-UNDANG
PERBEKALAN 1997**

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1997

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah "Rang Undang-undang Perbekalan 1997 dibacakan kali yang kedua sekarang" dan "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

"Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada RM17,268,654,900 (Ringgit Malaysia tujuh belas bilion, dua ratus enam puluh lapan juta, enam ratus lima puluh empat ribu, sembilan ratus) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 1997, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan

pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1997 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 26 Tahun 1996, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan tujuh dan lapan senarai tersebut." [30hb. Oktober, 1996]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kota Melaka, sila sambung.

3.37 ptg.

Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua, semalam saya menyebut 6 langkah yang harus diambil oleh pihak kerajaan untuk membendung masalah inflasi. Selagi kerajaan tidak mengakui ia bertanggungjawab secara langsung ke atas masalah inflasi, kadar inflasi tetap akan melambung tinggi. Adalah tidak bertanggungjawab untuk pihak kerajaan tidak mengakui betapa seriusnya masalah inflasi dengan tidak mahu mengakui Kempen Inflasi Sifar sudah gagal. Sekiranya pihak kerajaan Barisan Nasional tidak mahu digelar sebagai kerajaan, bukan kerajaan BN, tetapi kerajaan 'barangan naik', ia mesti mengambil 6 langkah yang saya huraikan semalam.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberikan sokongan saya ke atas cadangan Pengerusi Eksekutif Tenaga Nasional yang baru iaitu Yang Berbahagia Datuk Dr. Ahmad Tajuddin bahawa kelima-kelima Independent Power Producers (IPP) mesti menyertai program elektrik luar bandar. IPP mesti memenuhi tanggungjawab sosialnya dengan sama-sama berkongsi beban kos program elektrik luar bandar dan tidak hanya mengira keuntungan. Ini adalah kerana IPP kini menerima keuntungan besar dengan menjual kuasa elektrik dengan harga tetap dan terjamin tanpa menanggung kos beban memberikan kuasa elektrik kepada penduduk luar bandar. Sudah sampai masanya rakyat luar bandar dan hampir 1,000 buah sekolah tanpa elektrik dibekalkan elektrik dengan segera dan IPP, seperti YTL harus menggunakan keuntungan besarnya untuk tujuan tersebut.

Di antara 5 IPP yang beruntung ialah IPP Yeo Teong Lay Corporation (YTL), yang mendapat bayaran elektrik yang paling lumayan

sekali iaitu sebanyak 15.5 sen seunit dan juga 75% penjana kuasa terjamin dan mesti di beli oleh Tenaga Nasional. Kita boleh anggarkan betapa senang dan besarnya keuntungan IPP bila kos penjana kuasa Tenaga Nasional adalah kurang daripada 10 sen seunit, sedangkan ia menjual dengan harga 15.5 sen seunit. Inilah sebab YTL boleh untung RM800 juta setahun.

Sungguhpun begitu saya tidak lihat IPP seperti YTL menyumbang kepada program elektrik luar bandar, sebaliknya YTL cuba membeli Consolidated Electric Power Asia (CEPA) dengan harga US\$2.6 ataupun RM6.6 bilion di mana pembelian akan dibiayai menerusi pinjaman berikut:

- (i) RM1,850,000 daripada YTL sendiri;
- (ii) RM2,250,000 daripada pinjaman Barkleys Bank;
- (iii) RM2,500,000 daripada pelaburan ekuiti oleh Khazanah Holding Bhd.

Saya ingin mempertikaikan kesediaan Khazanah Holdings Berhad bekerjasama menyumbang RM2,500 juta dalam bentuk ekuiti kepada YTL bila YTL tidak pernah menunaikan tanggungjawab sosial memberikan kuasa tenaga kepada penduduk luar bandar. Oleh itu, prasyarat harus dikenakan ke atas kesemua IPPs menyumbang kepada program elektrik luar bandar terdahulu sebelum boleh meminta sebarang bantuan daripada pihak kerajaan. Satu kajian semula tarif kuasa yang dijual kepada Tenaga Nasional Berhad mesti dijalankan supaya lebih adil dan murah kepada Tenaga Nasional Berhad dan para pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membidas Penasihat Ekonomi Negara, Tun Daim Zainuddin sebagai pandangan yang salah bila beliau mempertahankan pelaburan Khazanah Holdings Berhad sebanyak RM2,500 juta dengan YTL Corporation dalam CEPA asalkan boleh untung. Sebagai seorang bekas Menteri Kewangan, beliau seharusnya faham bahawa sebarang pelaburan tidak boleh diukur semata-mata dari aspek untung rugi, tetapi kepentingan negara dan sosial pun mesti diambil kira.

Tun Daim sepatutnya bertanya mengapakah Khazanah Holdings Berhad tidak melabur dalam projek elektrik luar bandar dan sama ada telah gagal dalam amanahnya menjaga kepentingan negara? Sebagai sebuah badan

pelaburan kerajaan, setiap pelaburan mestilah dijalankan dengan berhati-hati dan juga dilihat beretika. Bolehkah Tun Daim menjamin

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, gunakan Ahli Yang Berhormat dari Merbok.

Tuan Lim Guan Eng: Oh! Minta maaf. Bolehkah Ahli Yang Berhormat dari Merbok - terlupa dia Ahli Parlimen juga! *[Ketawa]*

Bolehkah Tun Daim menjamin pelaburan ini beretika dan dijamin beruntung? Kalau tidak saya harap beliau jangan main-main dengan wang negara sepertimana beliau suka main-main dalam saham BSKL. Kerajaan Malaysia tidak dikatakan bodoh, tetapi jangan anggap rakyat Malaysia bodoh, tidak dapat mengerti yang betul dan salah. Di sini, saya hendak bertanya tentang tempoh jawatan Penasihat Ekonomi Negara, adakah ada satu had tempoh atau kena ulang, kena diperbaharui setiap tahun yang disandang oleh Ahli Yang Berhormat dari Merbok, kuasa dan faedah kepadanya dan juga faedah kepada negara, ekoran beliau menjadi Penasihat Ekonomi Negara?

Ini adalah kerana saya tidak melihat apa-apa faedah kepada negara selepas perlantikan beliau sebagai Penasihat Ekonomi Negara. Apakah kriteria dan syarat-syarat yang menggalakkan Khazanah Holdings Berhad melabur RM2,500 juta dalam usaha sama ini, memandangkan kakitangan kanan kerajaan sering mendapat jawatan penting dan menjadi ahli lembaga pengarah syarikat yang disenaraikan di BSKL selepas mereka bersara? Adakah keputusan berusaha sama dengan YTL didorong oleh nikmat yang akan diperolehi selepas bersara?

Tuan Yang di-Pertua, beralih kepada pembelian Lotus Group oleh Tan Sri Yahya Ahmad dan Proton semalam. Saya ingin mengkritik pembelian Lotus Group iaitu sebuah pembina kereta mewah Spirit sebanyak 51 juta pound ataupun RM204 juta oleh Tan Sri Yahya Ahmad dan Proton kerana Proton sepatutnya menumpukan perhatian mengurangkan kos kereta Proton, bukan membeli kereta mewah. Sebenarnya kos pembelian adalah RM290 juta kerana Proton terpaksa juga meminjam RM53 juta dan menanggung beban hutang sebanyak RM33 juta.

Tuan Yang di-Pertua, bukankah pembelian Lotus ini oleh Proton bercanggah dengan tujuan

asal Proton didirikan untuk mengurangkan defisit akaun semasa dan membolehkan rakyat biasa di Malaysia membeli sebuah kereta tempatan yang mereka mampu.

Saya tidak faham macam mana melabur di luar negara dengan membeli atau membina kereta mewah akan mencapai tujuan asal ini. Saya harap pihak kerajaan boleh mengkaji pembelian yang dibuat oleh Tan Sri Yahya Ahmad

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:
[Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Balik Pulau minta jalan.

Tuan Lim Guan Eng: Saya ada banyak lagi!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Lim Guan Eng: Satu sahaja!

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Yang pertamanya, Ahli Yang Berhormat tadi merayau-rayau tentang pelaburan dalam CEPA itu telah pun dimaklumkan bahawa YTL sendiri telah membatalkan perancangan tersebut, maka tidak timbul soal Khazanah Holdings Berhad untuk melabur dalam 'joint venture' ataupun 'take-over' yang tersebut.

Yang keduanya, yang khusus tentang apa yang sedang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi tentang pelaburan ataupun keputusan Tan Sri Yahya ataupun Hicom untuk mengambil alih Lotus Group. Tidakkah ini boleh dilihat oleh Ahli Yang Berhormat sebagai satu usaha oleh Proton dengan memperolehi Lotus Group ini, ia juga dapat memperolehi teknologi automobil yang dapat membantu Proton sendiri untuk membangunkan 'home grown' ataupun 'ingrown technology'? Itu yang pertamanya. Dan yang keduanya, sebagai satu usaha untuk melebarkan usaha Proton untuk memasuki pasaran-pasaran di luar dari Malaysia khususnya di Eropah sendiri.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, nampak Ahli Yang Berhormat menjadi pembela Ahli Yang Berhormat dari Merbok dan juga Tan Sri Yahya. Apa yang saya sebutkan tadi tentang pelaburan ekuiti iaitu pinjaman

RM2,500 juta menerusi pelaburan ekuiti, ada laporan bahawa ia telah diluluskan oleh Khazanah Holdings Berhad sebelum YTL sendiri menarik balik daripada tawaran untuk mengambil alih CEPA.

Itu bermakna, kalau mereka tidak menarik balik ia akan terus dijalankan dan ini menimbulkan persoalan macam mana ia boleh diluluskan oleh Khazanah Holdings Berhad. Apakah prioritinya? Apakah matlamat utamanya, adakah untuk buat untung semata-mata untung sahaja dan tidak pun terjamin atau dijamin akan untung? Bukankah lebih baik kalau usaha dibuat untuk membekalkan tenaga atau kuasa memberikan elektrik kepada penduduk luar bandar dan hampir 1,000 sekolah yang tidak ada elektrik langsung? Macam mana kita boleh membawa negara ke dunia teknologi maklumat, apa guna MSC kalau sekolah pun tidak ada elektrik, macam mana kita boleh gunakan komputer? Itu yang menjadi masalah pokok di sini! Saya harap Ahli Yang Berhormat boleh faham tentang isu ini.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:
[Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia bangun lagi Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Saya tak cukup masa, kerana ada banyak perkara yang harus, yang saya belum sentuh lagi. Tetapi untuk soalan kedua,

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Tidak ada time limit sekarang!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Hendak beri jalan atau tidak beri?

Tuan Lim Guan Eng: Nanti, akhirnya saya akan beri, bila saya hendak habiskan ucapan saya, saya akan berikan.

Tetapi tentang masalah kedua, tentang pelaburan RM204 juta oleh Tan Sri Yahya, ini saya rasa nampaknya bercanggah dengan tujuh asal, pendirian Hicom dan Proton. Adakah kereta kebangsaan kita adalah sebuah kereta yang boleh dibeli oleh semua rakyat Malaysia atau hanya oleh orang kaya-raya sahaja?

Kerana Lotus ini, ia membina kereta jenis apa? Semua yang berjenama. Adakah rakyat biasa Malaysia mampu membeli sebuah kereta

yang dibina oleh Lotus berjuta-juta ringgit? Itu yang menjadi persoalan dan saya mempertikaikan rasional kerana tujuannya, nampaknya telah terpesong dan saya harap pihak kerajaan boleh mengkaji pembelian yang dibuat oleh Tan Sri Yahya Ahmad sama ada ia berkepentingan awam. Kalau tidak, maka Proton dan Tan Sri Yahya harus dinasihatkan tidak melabur dalam Lotus.

Perlu diingatkan bahawa projek kereta Proton merupakan projek kereta kebangsaan yang dimiliki oleh semua rakyat Malaysia bukan Tan Sri Yahya seorang sendiri sahaja. Amanah ini patut dipenuhi oleh Tan Sri Yahya bila beliau diberikan pilihan khas 'special privilege' membeli Proton menerusi Hicom Berhad tanpa menjalankan tender terbuka dan dibawah harga pasaran semasa.

Kegagalan Tan Sri Yahya membela kepentingan awam dan negara jelas berlawanan dengan kerajaan membelanjakan berbilion-bilion ringgit untuk menjayakan kereta kebangsaan. Sebaliknya, Proton dijadikan alat untuk Tan Sri Yahya mengaut kekayaan dan rakyat Malaysia rugi. Ini boleh dilihat harga Proton tidak diturunkan langsung sungguhpun nilai mata wang Yen telah turun dan soalan ini pernah dikemukakan oleh rakan saya Ahli Yang Berhormat dari Cheras. Mengapa, sungguhpun nilai mata wang Yen turun tetapi harga kereta Proton tidak turun?

Sekarang kita jelas, sebab mengapa harga kereta Proton tidak turun ialah untuk membolehkan Tan Sri Yahya Ahmad dan Proton mempunyai wang membeli syarikat kereta mewah yang tentu tidak mampu dibeli oleh rakyat biasa. Ini juga hanya mengesahkan laporan *United Nation Human Development Reports 1996*, macam mana keadaan wujud di mana yang kaya menjadi lebih kaya dan yang miskin tetap miskin. Semasa nilai mata wang Yen naik, harga Proton dinaikkan dengan begitu cepat sekali tetapi apabila nilai mata wang Yen turun, tidak turun langsung. Keuntungan yang dicapai daripada pertukaran wang asing ini digunakan untuk apa? Bukan untuk memanfaatkan rakyat Malaysia tetapi untuk membeli Lotus.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Balik Pulau bangun.

Tuan Lim Guan Eng: Ini yang saya mempertikaikan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Balik Pulau minta jalan.

Tuan Lim Guan Eng: Saya minta maaf, saya ada banyak belum ucap lagi. Nanti akhir ucapan, saya akan beri. Kini kekayaan bukan diukur setakat kereta mewah sahaja malah saya difahami status simbol baru adalah memiliki kapal terbang. Siapa yang memiliki kapal terbang lebih dan yang lebih mahal? Kita boleh lihat lagi sekarang status simbol yang terbaru iaitu memiliki syarikat mewah dan mempunyai jenama menjadi status simbol golongan maha kaya di Malaysia atau dengan izin, "the super rich of Malaysia". Mana letaknya masyarakat adil yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan dalam belanjawan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bertanya Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan, apakah keistimewaan dan kelebihan Maju Holdings Sdn. Bhd. yang menyebabkan dia dipilih untuk menyelamatkan Perwaja Terengganu Sdn. Bhd.? Saya tidak faham mengapa konsortium yang diketuai oleh Renong Berhad, Lion Corporation atau Vintake atau Westmont tidak dipilih bila mana-mana satu adalah lebih kukuh dan mampan dari segi sumber kewangan, pengalaman, kepakaran dan ketrampilan pengurusan berbanding dengan Maju Holdings Sdn. Bhd.

Mengikut jawapan bertulis yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan kepada saya pada 24 Oktober baru ini, kriteria pemilihan Maju Holdings sebagai pemegang ekuiti 51% adalah seperti berikut:

- (i) kemampuan meminimumkan tanggungan dan kerugian kerajaan;
- (ii) balasan atau consideration dalam bentuk tunai yang bersesuaian; dan
- (iii) penswastaaan tidak menjejaskan matlamat asal penubuhan Perwaja iaitu ke arah pengwujudan industri besi dan keluli yang bersepadu.

Berdasarkan ketiga-tiga kriteria yang digariskan, jelas sekali Maju Holdings adalah yang paling tidak layak sekali. Tidak hairanlah mengapa Lion menarik diri kerana tidak mahu terlibat dengan Maju Holdings.

Saya ingin meminta pihak kerajaan menyatakan jumlah tawaran yang dibuat oleh setiap konsortium termasuk Maju Holdings. Ini adalah kerana ada ura-ura bahawa semua konsortium menyatakan jumlah wang yang mereka sedia tawarkan....

Tuan Chia Kwang Chye: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Bukit Bendera bangun.

Tuan Lim Guan Eng: ...untuk menyelamatkan Perwaja kecuali Maju Holdings.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Bukit Bendera bangun.

Tuan Lim Guan Eng: Minta maaf. Sungguhpun Maju Holdings tidak memberikan satu tawaran, mereka tetap dipertanggungjawabkan menyelamatkan Perwaja. Kalau ini benar, ini menunjukkan ada pilih kasih yang mungkin wujud penyelewengan dalam pemilihan Maju Holdings untuk Perwaja.

Aspek kedua yang penting, ialah kedudukan siasatan yang terkini oleh Badan Pencegah Rasuah di atas penyelewengan, penyalahgunaan kuasa dan rasuah berlaku sehingga menyebabkan Perwaja mengalami kerugian terkumpul sehingga 31hb. Disember 1995 sebanyak RM2.9 bilion, hutang terkumpul jangka panjang sebanyak RM6,013 juta, tanggungan jangka pendek sebanyak RM926 juta dan dana pemegang saham berjumlah sebanyak negatif RM1.9 bilion.

Penglibatan kerajaan pun bukan kecil, melebihi RM5 bilion dalam bentuk suntikan ekuiti RM850 juta. Pendahuluan kepada Perwaja sebanyak RM1,219 juta dan tanggungan yang berupa jaminan sebanyak RM3,187 juta. Ini semua angka besar-besar. Kerugian besar ini akhirnya akan ditanggung oleh rakyat Malaysia malah pada lebih awal lagi saya telah membuat laporan kepada BPR pada 11hb. April tahun ini mengenai penyalahgunaan pinjaman sebanyak RM535.5 juta atau AS\$196 untuk memberi alat gantian dan sokongan teknikal. Akan tetapi, pinjaman ini tidak digunakan untuk tujuan yang ditetapkan tetapi sebaliknya disalahgunakan termasuk membayar RM76.4 juta kepada syarikat penipu Fursham Enterprises Incorporated Bhd. dari Hong Kong. Pembayaran

RM76.4 juta ini dibuat sama ada menyemak syarikat itu ada atau tidak membekalkan perkhidmatan kepada Perwaja. Selepas pembayaran diterima, pemilik Fursham hilangkan diri sama sekali dan penerima wang tidak boleh dikesan.

Sehingga hari ini, Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja satu sen tidak boleh dikutip balik malah tidak ada seorang pun yang dikenakan tindakan oleh BPR. Adakah perkara ini tidak penting sehingga tidak ada sebarang tindakan yang diambil oleh BPR terhadap mereka yang bertanggungjawab? Dan, penyelewengan lain termasuk pembayaran guaman kepada penasihat undang-undang luar khususnya V.K. Lingam dan Lewis and Company sebanyak RM12.3 juta dan bayaran kepada rakan kongsi Lewis and Company sebanyak RM4.5 juta tidak dapat dikesan.

Membina rumah kos rendah dengan harga RM114,000 setiap unit, sedangkan semua orang tahu sebuah rumah kos rendah hanya RM25,000 sahaja tetapi di Kemaman, Terengganu atau di Gurun boleh bina rumah kos rendah sampai RM121,000. Saya rasa kalau inilah harga rumah kos rendah di Kuala Lumpur tidak akan menjadi masalah kekurangan rumah kos rendah dan juga Tuan Yang di-Pertua, pembelian palsu sebanyak AS\$23.4 juta kepada Etoo Choo Corporation iaitu pembelian palsu, bayar sahaja tetapi tiada barang yang diterima.

Tuan Yang di-Pertua, keputusan membayar RM76.4 juta ini dibuat atas arahan bekas Pengurus Besar Perwaja, Tan Sri Eric Chia dengan persetujuan General Manager dan Director Corporate Affair Perwaja iaitu Encik Lawrence Lim Ching Chia. Adakah kedua-dua ini telah disoal siasat oleh BPR dan berapa banyak kali telah disoal siasat oleh BPR?

Apa yang luar biasa, Tuan Yang di-Pertua, ialah Lawrence Lim hampir kembali semula mengetuai pengurusan korporat dan kewangan Perwaja menerusi Maju Holdings. Kalau saya tidak menimbulkan perkara ini di Parlimen baru-baru ini, beliau akan menerajui hal ehwal korporat Perwaja sungguhpun sedang disiasat oleh BPR atas penyelewengan yang menyebabkan kerugian begitu besar kepada Perwaja. Ini menunjukkan keberkesanan dan peranan penting yang dimainkan oleh Parti Dap untuk memastikan prosedur pengurusan korporat berhemat diikuti dalam Perwaja agar

mengelakkan dari mengalami lebih banyak lagi kerugian.

Malangnya, prosedur pengurusan korporat berhemat ini tidak difahami oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, iaitu Ahli Yang Berhormat dari Chenderoh. Sebaliknya, Ahli Yang Berhormat dari Chenderoh terus memperjuangkan kelayakan dan hak Lawrence Lim kembali kepada urusan korporat Perwaja sungguhpun sedang disiasat oleh BPR mengenai penyelewengan kewangan dalam Perwaja sebelum ini.

Semasa menjawab hujah-hujah saya mengenai Perwaja dan Lawrence Lim dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 1996 pada 22hb. Oktober, Yang Berhormat dari Chenderoh di samping membela Lawrence Lim juga memarahi saya 'prejudice - mutu perbahasan yang rendah, tidak konsisten dan kadangkala double standard' kerana mempertikaikan kedudukan Lawrence Lim. Dua hari kemudian pada 24hb. Oktober Timbalan Menteri Kewangan dalam jawapannya di Parlimen bersetuju dengan pendirian saya supaya tidak melantik Lawrence Lim dalam pengurusan Perwaja sehingga selesai penyiasatan oleh BPR dan polis.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang kita telah tahu siapa yang sebenarnya 'prejudice, mutu perbahasan yang rendah, tidak konsisten dan kadangkala double standard'. Adalah diharapkan Yang Berhormat dari Chenderoh akan lebih berhemah dan berkonsisten pada masa depan, malah Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan menyatakan Kementerian Kewangan membantah Lawrence Lim memasuki semula dalam pengurusan Perwaja, kerana Lawrence Lim tidak patut buat demikian, bila Perwaja sedang disiasat, yang mana Lawrence Lim menjadi ahlinya dahulu. Kalau begitu satu persoalan penting timbul mengapa pula kerajaan membenarkan Lawrence Lim menjadi Ahli Lembaga Pengarah Maju Holdings sejak Ogos 1996. Ini adalah satu perkembangan baru di mana Lawrence Lim menjadi ahli lembaga sebuah syarikat yang ditugaskan untuk menyelamatkan Perwaja dan pada masa yang sama Lawrence Lim terlibat menyebabkan kedudukan kewangan Perwaja menjadi begitu kritikal sekali. Ini sungguh tidak berhemah, Tuan Yang di-Pertua - sungguh tidak berhemah sekali dan berlawanan dengan tujuan

kerajaan mencari pihak baru, menyelamatkan Perwaja.

Saya ingin mendesak kerajaan memaksa Lawrence Lim meletak jawatan sebagai Ahli Lembaga Pengarah Maju Holdings Sdn. Bhd. Sekiranya beliau tidak dibenarkan kembali semula kepada Perwaja untuk mengetuai urusan korporat Perwaja, Lawrence Lim tidak berhak melibatkan diri secara langsung atau tidak dengan Perwaja menerusi Maju Holdings. Standard yang sama harus dikenakan ke atas ahli lembaga pengarah lain Maju Holdings, umpamanya Encik Abu Talib Mohamed yang pernah menjadi pegawai tinggi Perwaja.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan begitu bangga bahawa BSKL merupakan pasaran saham yang terbesar di rantau ASEAN dan ketiga besar di Benua Asia. Saya ingin mengingatkan beliau BSKL hanya dihormati sebagai pasaran modal yang canggih dan maju, jika ia terus dan berpegang kepada peraturan-peraturan berhemat dan bukanlah satu kasino. Oleh itu, saya ingin menarik perhatian beliau kepada terbitan saham oleh sebuah syarikat yang bernama JTop di papan utama Bursa Saham Kuala Lumpur untuk menawarkan 36.5 juta saham dengan harga RM1.65 sen sesaham kepada orang ramai pada 28hb. Jun, 1996.

Dalam prospektus JTop menyatakan memiliki 7 estet kelapa sawit seluas 15,605 hektar, nilai semasa 7 ladang estet ini adalah dianggarkan pada bulan Januari tahun 1995 sebanyak RM283.2 juta. Macam mana Tuan Yang di-Pertua JTop boleh mendakwa ia memiliki 7 ladang estet bila geran tanah masih dalam tangan Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA)? Bukankah ini satu penipuan mendakwa memiliki 7 estet kelapa sawit yang bukan milikannya? Malah ini diakui secara terbuka dalam prospektus Johor Tenggara Oil Palm Berhad yang berikut, Tuan Yang di-Pertua, dengan izin:

"As disclosed the Valuation Certificate under Section 14, the registered proprietor of the aforementioned properties is Lembaga Kemajuan Johor Tenggara. Following the privatisation of JTop in 1994, the legal titles for the properties are in the process or being transferred to the JTop Group."

Dengan kata lain, sepanjang dua tahun ini pemindahan hartanah ini masih dijalankan,

tetapi masih belum disempurnakan. Kalau begitu macam mana JTop boleh memperakukan 7 ladang estet ini adalah milikannya?

Adalah jelas penyenaiaan hartanah sebanyak RM283.2 juta akan menarik minat pelabur untuk membeli sahamnya. Kalau hartanah bukanlah milikannya, ini merupakan satu penipuan yang harus dipertanggungjawabkan oleh bukan sahaja pengarah syarikat berkenaan, tetapi oleh, dengan izin, Adviser and Managing Underwriternya, Aseambankers Malaysia Berhad; akauntannya Azman, Wong Salleh & Co., peguam Mohd. Kamil & Co. dan Lee Hishamuddin.

BSKL dan Suruhanjaya Sekuriti pun mesti bertanggungjawab kerana tetap meluluskan permohonannya disenaraikan dalam BSKL, sungguhpun tahu tanah bukanlah milikannya. Di sini adalah jelas bahawa maklumat yang salah sengaja diberikan kepada Suruhanjaya Sekuriti. Adalah perlu tindakan tegas diambil supaya maklumat yang diberikan dalam prospektus syarikat yang hendak diterbitkan adalah benar dan boleh dipercayai. Kalau tidak keyakinan pelabur asing terhadap pasaran modal negara akan terjejas dan eloklah BSKL dianggap sebagai kasino dan bukanlah pemangkin pembangunan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, selepas pilihan raya besar 1995, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pernah menjanjikan akan mengeluarkan satu kod etika perilaku mengenai ahli-ahli pentadbiran negara seperti para menteri, timbalan menteri dan menteri besar untuk menghapuskan politik wang dan menyekat gejala rasuah. Akan tetapi selepas 18 bulan kod etika perilaku masih belum dilihat di siang hari atau dengan izin, "has not seen the light of the day".

Saya ingin bertanya sama ada ada atau tidaknya kod etika perilaku ini dan kalau tidak mengapa? Kalau ada nyatakan satu persatu garis panduan yang ditetapkan dan sama ada ia dipatuhi oleh semua ahli pentadbiran. Saya ingin mencadangkan garis panduan tersebut mesti mengandungi tiga ciri-ciri yang berikut, kalau ia hendak berkesan:

- (i) melarang semua ahli pentadbiran kerajaan negeri atau pusat daripada berniaga atau melibatkan diri dalam

perniagaan sepertimana yang dilakukan sekarang oleh setengah-setengah ahli Exco;

- (ii) semua ahli pentadbiran mesti mengisytiharkan harta bendanya sendiri dan keluarganya kepada orang ramai;
- (iii) ahli pentadbiran tidak dibenarkan menerima apa-apa faedah dan sumbangan yang boleh menambahkan harta-bendanya yang melebihi gaji rasminya.

Ini adalah perkara penting, Tuan Yang di-Pertua, kerana nampaknya ada setengah ahli Exco negeri yang engkar arahan mengamalkan kehidupan melebihi yang mampu disokong oleh gaji rasminya, yang membolehkannya bukan sahaja bersih, tetapi dipandang bersih.

Di Melaka contohnya, seorang ahli Exco Melaka disiasat oleh BPR kerana menerima rasuah RM500,000 untuk meluluskan 2 lot tanah seluas 10.196 hektar di Mukim Bertam dan Mukim Bachang, Melaka. Malah tahanan dua orang peniaga bersabit dengan pemberian RM500,000 kepada ahli Exco ini telah menyebabkan satu krisis keyakinan rakyat sama ada pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dato' Mohamad Zin bin Abdul Ghani, bersih, cekap dan amanah. Ini adalah kerana sebelum ini seorang lagi ahli Exco disabitkan dengan penyelewengan bila didakwa ditahan bersama wang tunai RM3 juta oleh Jabatan Kastam di satu pintu masuk ke Malaysia.

Bila saya mempersoalkan Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri, sama ada benar, ada seorang Ahli Exco Melaka yang ditahan dengan wang tunai RM3 juta di Parlimen pada 22hb. Oktober ini, beliau enggan menafikan. Keengganan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan menjawab atau menafikannya menimbulkan seribu pertanyaan. Dan akan memberikan gambaran pada orang ramai bahawa semua Ahli Exco Melaka terlibat dalam amalan rasuah.

Ini adalah kerana ada sejarah, Tuan Yang di-Pertua, seperti bekas Ketua Menteri Melaka, Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik pernah didakwa di mahkamah melakukan rasuah. Di samping itu kedua-dua Ahli Exco MCA iaitu Datuk Gan Boon Leong dan Datuk Poh Ah Keong pun pernah disiasat oleh BPR selepas laporan dibuat oleh saya terhadap mereka.

Oleh itu rakyat tidak boleh dipersalahkan kalau mengangap ada krisis rasuah di seluruh kerajaan negeri Melaka. Dengan siasatan BPR, yang pernah dijalankan ke atas hampir setiap Ahli Exco Negeri Melaka. Hanya dengan mengambil ketiga-tiga langkah yang saya sebutkan tadi, barulah masalah rasuah dan menyalahgunakan kuasa eksekutifnya di kalangan pemimpin Barisan Nasional untuk faedah diri sendiri akan dihapuskan.

Tidak ada sebab mengapa Ahli Exco takut mengisytiharkan harta benda kalau mereka tidak memiliki harta benda di luar kemampuan rasmi mereka. Dan tidak ada apa-apa untuk disembunyikan. Sekiranya ketiga-tiga langkah ini tidak diambil adalah susah untuk menyakinkan rakyat bahawa pemimpin kerajaan adalah bersih, cekap dan amanah. Lagipun..

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Rompin bangun, nak bagi jalan, atau tidak?

Tuan Lim Guan Eng: Satu sahaja.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Saya yakin ramai daripada ahli Dewan yang mulia ini juga mendengar hujah-hujah Yang Berhormat dan termasuk juga tindakan-tindakan yang telah dilaksanakan oleh kerajaan, menuduh dan mengambil tindakan kepada mereka yang dikatakan membuat salah. Adakah ini bermakna kerajaan Barisan Nasional itu amanah dan "transparent"? Patutkah tidak Yang Berhormat berterima kasih kepada kerajaan? Kalau ada bukti satu perkara itu tidak betul, kerajaan ambil tindakan. Kalau tidak, tidaklah dibawa ke mahkamah. Bagilah "compliment" bila usaha-usaha baik kerajaan itu. Minta penjelasan.

Tuan Lim Guan Eng: Kalau kerajaan mengambil tindakan tegas melawan atau memerangi rasuah, kita akan memberikan "compliment". Tapi malangnya, tidak buat langsung. Umpamanya apabila enam orang ahli pentadbiran kerajaan diisytiharkan tidak layak untuk bertanding dalam pilihan Umno kerana terlibat dalam politik wang....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Rompin bangun.

Tuan Lim Guan Eng: ...terlibat dalam politik wang tidak ada sebarang tindakan diambil oleh pihak kerajaan, mereka terus menjadi ahli pentadbiran kerajaan. Sama ada Timbalan Ketua Menteri ataupun Ahli Exco. So, mana kerajaan serius melawan rasuah? Ini main-main sahaja. Lagipun...

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Rompin bangun.

Tuan Lim Guan Eng: Minta maaf, saya cakap satu kali sahaja kerana saya ada benda. Selepas bila saya hampir habis ucapan, saya akan beri. Lagipun Tuan Yang di-Pertua, mengapa menteri dan timbalan menteri lain, tidak berani mengisytiharkan harta benda kepada pihak DAP ataupun orang ramai, sepertimana yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Chenderoh kepada saya, kalau bukan kepada saya, kepada orang ramai. Mengapa takut? Itu yang menjadi soalan kalau tidak mahu mengisytiharkannya secara umum. Tindakan Yang Berhormat dari Chenderoh harus dipuji sungguhpun saya hanya dapat sahkan pendapatannya berkurangan tetapi bukan hartanah dan harta benda yang bukan wang. Keengganan para menteri dan timbalan menteri berbuat demikian, mencontohi Yang Berhormat dari Chenderoh, memberikan gambaran mereka takut mendedahkannya dan teringin menyembunyikan sesuatu. Kalau dibandingkan dengan Yang Berhormat dari Chenderoh, macam mana para menteri dan timbalan menteri lain boleh dianggap bukan sahaja bersih tetapi dipandang bersih, sepertimana yang pernah disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Satu lagi kes, Tuan Yang di-Pertua, ialah saya hendak bertanya kerajaan, adakah beretika untuk seorang Ahli Exco Sarawak, iaitu Datuk Amar James Wong Kim Min, memiliki 52.3 juta saham Pan Global Equity Berhad bernilai RM300 juta. Menurut satu jawapan bertulis oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, iaitu Yang Berhormat dari Chenderoh, yang berani isytiharkan esetnya, bukan seperti yang lain, kepada saya di Parlimen pada 24hb. Julai tahun ini. Datuk Amar James Wong memiliki secara langsung sejumlah 12.3 juta saham Pan Global dan secara tidak langsung 40 juta saham Pan Global Equity. Milikan saham 52.3 juta ini, menurut Yang Berhormat

dari Chenderoh diluluskan oleh pihak berkuasa. Adakah beretika dari segi politik, untuk seorang Ahli Exco negeri memiliki kepentingan "substantial" dalam sebuah syarikat yang disenaraikan dalam papan pertama BSKL?

Tidakkah kerajaan bimbang kemungkinan timbulnya percanggahan kepentingan semasa Datuk Amar James Wong menjalankan tugasnya? Monopoli jawatan politik tertinggi oleh orang kaya dalam pentadbiran negeri Sarawak dan politik wang yang bermaharajalela telah membawa kemenangan mengejut dan bersejarah kepada parti Dap dalam pilihan raya besar negeri Sarawak pada bulan September.

Tiada siapa yang memberikan harapan kepada Dap, malah setengah yang menduga Dap akan hilang wang pertaruhan dan depositnya. Akan tetapi kerana rakyat tidak mahu pemerintahan satu parti, dan politik wang serta mahu menjamin demokrasi terus hidup, Dap telah memenangi tiga kerusi. Saya ingin mengucapkan, Tuan Yang di-Pertua, syabas kepada Dap Sarawak, syabas kepada rakyat Sarawak. Tiga daripada enam kerusi yang dipertandingkan, lima puluh peratus pencapaian, ini adalah suatu rekod dan penciptaan sejarah untuk perkembangan demokrasi di Sarawak.

Beralih kepada satu perkara lain, tentang politik wang, di sini saya ingin mengucapkan tahniah kepada Ketua Pemuda Umno yang baru, iaitu Yang Berhormat dari Bagan Datok kerana telah memenangi jawatan tertinggi dalam Pemuda Umno.

Tetapi saya juga ingin bertanya komitmennya memerangi politik wang sama ada beliau terus tidak akan mengikut "predecessor"-nya, cara atau amalan atau tradisinya dan menonjolkan diri sebagai seorang pemimpin yang bersih, yang beramanah. Saya ingin meminta, Ketua Pemuda Umno yang baru, membuktikan bahawa perolehan RM14 juta wang tunai daripada penjualan 2,721,000 saham Tekala Corporation - sebulan, kadang kala sebulan, kadang kala beberapa hari, sebelum pemilihan Umno bukanlah disalahgunakan untuk berkempen jawatan Ketua Pemuda Umno pada bulan Oktober yang baru lalu.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pernah menyatakan politik wang tidak dibenarkan. Menangis terisak-isak kerana memerangi politik wang. Tetapi saya

difahamkan bahawa Yang Berhormat dari Bagan Datok telah menjual, inilah tarikh-tarikh bila dia jual saham itu. Ada tarikh-tarikh. Saya ingat Yang Berhormat dari Rompin tentu berminat. Telah menjual 1,233,000 saham Tekala Corporation pada 4hb., 9hb. dan 12hb. September tahun ini, yang mengurangkan pegangannya dalam Tekala kepada 5,374,368 saham.....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Kalau berani sebagai Ketua Pemuda DAP. Kalau dia berani sebagai Ketua Pemuda DAP.....

Tuan Lim Guan Eng: Saya tengah hot, jangan kacau saya. Saya tengah hot, jangan kacau saya!

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Kalau berani. Kalau tak berani sebagai Ketua Pemuda DAP, [*Disampuk*] beri Ketua Pemuda kepada orang lain!

Tuan Lim Guan Eng: Saya tak berikan sekarang. Nanti saya akan berikan. [*Disampuk*] Bila saya habis ucapan ini, saya akan berikan.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya akur pada Jelutong. Kalau saya bangun, Jelutong beri. Terima kasih Jelutong. Tetapi Ketua Pemuda DAP tidak ikut sebagaimana Jelutong!

Tuan Lim Guan Eng: Saya akan berikan nanti. Sabar sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Rompin, dia tak beri jalan, Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Jangan... [*Disampuk*]

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya hendak minta kebenaran dari Ketua DAP pun, kena tanya boss dahulu sebelum berikah? [*Disampuk*]

Tuan Michael Lisa Kaya: Beri jalan!

Tuan Lim Guan Eng: Nanti saya akan beri. Tetapi biar saya habiskan ini dahulu kerana ini penting! Tanpa fakta, semua orang tak faham! Mesti resapi dan mesti masuk dalam kepala otak yang kadang-kadang tak boleh pakai. Fakta ini. Saya ulangi sekali lagi Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat dari Bagan Datok telah menjual 1,233,000 saham Tekala Corporation pada 4hb., 9hb. dan 12hb. September yang mengurangkan pegangannya dalam Tekala

kepada 5,374,368 saham. Dan juga, beliau pula menjual.....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Point of order Tuan Yang di-Pertua. 36(6). Point of order Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Point of order Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Point of order. Apa dia?

Tuan Lim Guan Eng: Ini tidak ada standardlah.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini tuduhan yang tidak benar, yang jahat. Dia cuba menunjukkan satu kenyataan yang tidak benar. Ada satu kesalahan yang dibuat. Apa salahnya menjual saham? Saya minta tarik balik, ini tuduhan yang tidak benar, 36(6) ini. Apa salahnya mereka menjual saham. Yang Berhormat pun saya dengar main saham dan jual saham juga! Mungkin nanti saya telefon BSKL, bila Yang Berhormat jual saham, saya akan quote di sini pula. Cakap benda lainlah Tuan Yang di-Pertua. Ini luar dari tajuk. *[Disampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, pada fikiran saya, jika sekiranya setakat jual saham, apa salahnya. *[Disampuk] [Ketawa]*.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, apa salahnya. Tetapi, apakah kesannya?

Tuan Yang di-Pertua: Apa yang hendak kesan?

Tuan Lim Guan Eng: Saya hanya meminta.....

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak tahu. Tidak ada satu peraturan yang menegah mana-mana Ahli Yang Berhormat membeli saham. *[Disampuk]*

Tuan Lim Guan Eng: Tetapi adakah peraturan ini melarang saya menyebut perkara ini?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, jikalau sekiranya Yang Berhormat menyebut yang hendak mengatakan dia itu melakukan kesalahan, itu adalah sangkaan jahat. *[Disampuk] [Tepuk]*

Tuan Lim Guan Eng: Saya bertanya kepada dia.

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan ya. Sila teruskan. Cakap perkara lain.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya akan cuba memuaskan hati kawan-kawan di sana. Beliau juga menjual 1,155,000 saham Tekala Corporation pada 16hb., 18hb. dan 24hb. September tahun ini, mengurangkan pegangannya kepada 4 juta.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.... Yang Berhormatsaya minta jangan Yang Berhormat berucap, melainkan jika sekiranya apa-apa perbuatannya itu adalah salah. Jika tidak salah, tidak bolehlah. Tidak patutlah kita berucap.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya boleh bangkitkan apa-apa perkara yang berkaitan dalam fasal ini. Tetapi....

Tuan Yang di-Pertua: Ya, tetapi tidak boleh berniat jahat, Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Saya tidak berniat jahat, saya hanya bertanya sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Jikalau sekiranya tidak berniat jahat, mengapakah mengeluarkan fakta-fakta itu? *[Tepuk] [Disampuk]*

Tuan Lim Guan Eng: Bukan, saya hanya bertanya sahaja!

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Hey, lu "cenglo"lah!

Tuan Lim Guan Eng: Saya rasa.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, berucap perkara lain, Yang Berhormat.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Menyampuk dalam bahasa Cina]*

Tuan Lim Guan Eng: Adakah saya dilarang berucap dalam perkara ini? Saya tidak berbuat....*[Disampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Saya larang Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Di bawah peraturan mana Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Saya berkuasa hendak melarangkan seseorang berucap.....

Tuan Lim Guan Eng: Ya. Tetapi, di atas peraturan mana, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Di atas peraturan bahawa ucapan Yang Berhormat itu membuatkan sangkaan jahat.

Tuan Lim Guan Eng: Saya hanya bertanya. Macam mana dia gunakan wang bila ia dijual empat hari sebelum Persidangan Umno?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat beli, orang jual, orang punya fasallah! Apa you susah? *[Disampuk]*

Tuan Lim Guan Eng: Saya tak kata dia rasuah, Tuan Yang di-Pertua. Saya tak kata dia rasuah!

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya harap Yang Berhormat..... ..

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Ini berniaga. "cho sieng li". *[Ketawa]* *[Disampuk]* Ini hendak berniaga, apa Yang Berhormat bisings?

Tuan Lim Guan Eng: Kalau dia cakap dia berniaga, cakap dia berniaga!

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Point of order, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Guan Eng: Tetapi itu mesti diberikan dengan jelas. Apa yang takut di sini?

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Point of order. Point of order. 36(6).

Tuan Yang di-Pertua: Point of order ya.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Point of order. Tuan Yang di-Pertua, tadi awal-awal dia mengatakan dia jual saham sewaktu perhimpunan, menjelang perhimpunan dan dia hendak membabitkan dengan masalah politik wang. Ini adalah satu sangkaan yang jahat. Macam mana dia tak faham, dia pun buat sangkaan yang jahat?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, harap Yang Berhormat berucap perkara lain. Masuk perkara lain Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu satu perkara yang penting.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.... saya minta Yang Berhormat jangan berbalah dengan saya. *[Disampuk]*

Tuan Lim Guan Eng: Saya bukan hendak melanggar peraturan, tetapi bila saya bangkitkan

tentang perkara ini, sama dengan saham Datuk James Wong. Itu tidak merupakan masalah. Kalau Dato' Ahmad Zahid Hamidi, Yang Berhormat dari Bagan Datok, beliau perlukan wang untuk berniaga, cakap berniaga! Mengapa saya tidak dibenarkan berucap mengenai perkara ini? *[Disampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat....

Tuan Noh bin Omar: Point of order, Tuan Yang di-Pertua. 36(6) ini untuk Ahli-ahli Dewan. James Wong bukan Ahli Dewan di sini. Tak tahu undang-undangkah? Balik belajar semulalah! 36(6) itu kalau dia Ahli Dewan di sini. Bagan Datok Ahli Dewan kita; James Wong bukan Ahli Dewan Rakyat di sini, dia di Sarawak. Sebab itu kita tidak pernah tegur. Bacalah balik Peraturan Mesyuarat 36(6)! Tak fahamkah?

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan tentang perkara ini. Yang pertama, saya tidak pernah menyatakan bahawa Ahli Yang Berhormat Bagan Datok rasuah. Saya tidak pernah menyatakan demikian. Saya hanya.... *[Disampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat. Cukuplah.

Tuan Lim Guan Eng: *[Menyampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: *[Menyampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Jika Yang Berhormat tak mahu hendak mengubah ucapan, saya akan minta orang lain berucap, Yang Berhormat. *[Disampuk]*

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Seorang Ahli: Banyak orang lain mahu berucap di sini!

Tuan Lim Guan Eng: Saya mengubah di bawah protes, Tuan Yang di-Pertua!

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Proteslah, apa kira! *[Disampuk]*

Tuan Lim Guan Eng: Dengan bantahan, saya berubah. *[Disampuk]*

Tuan Noh bin Omar: Dialog dengan Pemuda Umno nanti! Khusus antara DAP dengan Pemuda!

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Semalam baru kena! *[Disampuk]*

Tuan Lim Guan Eng: Siapa makan cili, dia rasa pedas! Ini yang berlaku.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Kita tak makan; tak pedas!

Tuan Lim Guan Eng: Saya harap beliau akan menjelaskan tentang wang tunai RM14 juta ini....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, point of order 44.

Tuan Lim Guan Eng: Yang Berhormat....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Point of order 44. *[Disampuk]*

Tuan Lim Guan Eng: Apa lagi? Saya hendak beralih kepada.....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Point of order 44.

Tuan Lim Guan Eng: *[Menyampuk]*

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua sudah minta tak usah cakap lagi, dia cakap lagi. Kalau begitu, boleh keluar tahu! Di bawah Peraturan Mesyuarat 44!

Tuan Lim Guan Eng: Keluar, keluarlah!! Apa masalah? Keluar, keluarlah!! *[Disampuk]*

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: You boleh keluar! *[Disampuk]*

Beberapa Ahli: *[Bangun] [Menyampuk]*

Tuan Lim Guan Eng: Apa masalah? Saya membangkitkan perkara ini.....*[Disampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Cukup, cukuplah Yang Berhormat. Cukup, cukup. *[Disampuk]* Yang Berhormat Kota Melaka, sila teruskan dengan perkara lain ya.

Tuan Lim Guan Eng: Mereka pun tidak benarkan saya beralih kepada perkara lain. Sekarang di bawah arahan Tuan Yang di-Pertua.... *[Disampuk]*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Eh, "lu ki cha hong"lah! *[Disampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan ya.

Tuan Noh bin Omar: Dialog fasal politik, jumpa Pemuda Ummolah! Jangan jumpa dalam Dewan!

Tuan Lim Guan Eng: Inilah standard Barisan, Tuan Yang di-Pertua! Standard Barisan! *[Disampuk]*

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Duduklah!!

Tuan Michael Lisa Kaya: Point of orderlah!

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat yang lain-lain, biarlah dia teruskan ya.

Tuan Lim Guan Eng: Ha, ini tidak ada semangat demokrasi langsung! Cakap sesuatu, dia salah, dia terkena!

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: OTC - Otak Tak Centre!

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Tuan Lim Guan Eng: Kerana dia salah, dia terkena! Sangat pedas betul! *[Ketawa]* Itu yang jadi masalah, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila.

Tuan Lim Guan Eng: Apabila kita bercakap tentang kod etika perilaku, kita cakap tentang politik wang. Kerajaan sebenarnya tidak berkomited, tidak ada iltizam langsung untuk memerangi politik wang. Di sini, saya nampak bahawa pihak kerajaan hanya main-main sahaja. Hentam politik wang bila memihak kepada mereka, tetapi kalau tidak, mereka akan diam sahaja. Ini yang menjadi masalah.

Di sini saya ingin meminta pihak kerajaan jangan anggap rakyat buta. Jangan anggap rakyat bodoh bahawa mereka tidak tahu dan jangan anggap saya buat satu tuduhan bila saya tidak buat tuduhan. Saya hanya minta penjelasan daripada pihak seseorang yang baru. Saya tidak buat tuduhan dia rasuah. Sama seperti saya buat tuduhan Tan Sri Rahim rasuah. Itu yang menjadi masalah.

Tuan Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Lim Guan Eng: Saya tak mahulah. Kalau orang ini tidak ada semangat demokrasi, apa gunanya saya beri jalan?

Tuan Noh bin Omar: Dia minta penjelasan dari siapa?

Tuan Lim Guan Eng: Tak mahu beri jalan.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tak beri jalan, Yang Berhormat.

Tuan Noh bin Omar: Hendak minta penjelasan dari siapa, dia bukan Menteri!

Tuan Lim Guan Eng: Saya tak beri jalan!

Tuan Noh bin Omar: Dia bukan Menteri!

Tuan Lim Guan Eng: Duduklah, saya tak beri jalan. Duduk!

Tuan Noh bin Omar: Apalah!!!

Tuan Lim Guan Eng: Duduk, duduk!

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Hey, ingat ini marketkah?

Tuan Lim Guan Eng: Tak tahukah ini? Duduk! Tak ada semangat demokrasi langsung! Semua nak tutup! Tak ada semangat terbuka.

Tuan Noh bin Omar: Hey, beri jalanlah. Kalau ada semangat demokrasi, beri jalanlah!

Tuan Lim Guan Eng: Ini yang menjadi masalah, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Noh bin Omar: Ini langsung tidak ada demokrasi, tak mahu beri jalan. *[Disampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan *[Disampuk]*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Kalau tak ada demokrasi, lu tak duduk di sinilah! Lu tahukah?

Tuan Lim Guan Eng: Ini kacau sahaja!

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Ini demokrasilah, lu duduk sini! Apalah!

Tuan Yang di-Pertua: Sila duduk ya.

Tuan Lim Guan Eng: Ini dua-dualah, tak hormat langsung!

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Otak duduk dekat lutut, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya Kota Melaka, sila teruskan.

Tuan Lim Guan Eng: Macam ini standard Barisan!

Tuan Yang di-Pertua: Kota Melaka, sila.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, saya hendak teruskan, tetapi banyak orang kacau!

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Eh, you think you are bigkah?, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. *[Disampuk][Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Sila duduk Yan. *[Ketawa][Disampuk]* Sila duduk Yan.

Tuan Lim Guan Eng: Apa dia cakap?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Any time, any hour, any place. *[Ketawa]*

Tuan Lim Guan Eng: Saya harap Yang Berhormat boleh ambil tindakan terhadap Yan kerana dia ini sudah lebih.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: *[Menyampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Jika tidak mahu, sila teruskan.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, saya hendak teruskan tetapi tidak mahu berbahas dengan orang yang tidak standard seperti ini.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Standard? Huh! Mari tengok standardkah tidak standard.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berbahagia Datuk Mohtar bin Abdullah, tidak layak menjadi Peguam Negara *[Sorak]* bila gagal menegakkan undang-undang tetapi sebaliknya memanipulasikan untuk kepentingan politik pemimpin Barisan Nasional. Ini jelas terbukti dalam siasatan BPR ke atas skandal pemberian 1.5 juta saham Leader Universal Berhad dan 4,173,901 saham FACB yang mempunyai nilai pasaran RM25 juta oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa Industri yang baru kalah pemilihan Ketua Wanita UMNO kepada menantunya sendiri Fazrin Azwar.

Sungguhpun di bawah undang-undang rasuah adalah jelas bahawa beliau telah menyalahi undang-undang rasuah dengan menyalahgunakan kuasa eksekutifnya untuk memberikan faedah kepada ahli keluarganya. Peguam Negara enggan mengambil tindakan, malah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan dalam satu jawapan bertulis kepada soalan saya pada 22hb. Julai tahun ini bahawa:

“Peguam Negara telah membuat keputusan tentang siasatan BPR dalam kes yang melibatkan Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa Industri bahawa kes ini adalah satu kesilapan teknik yang tidak menjadi satu kesalahan automatik. Oleh yang demikian, Peguam Negara tidak bercadang untuk membawa apa-apa pertuduhan terhadap sesiapa”.

Tuan Yang di-Pertua, mana ada satu sistem perundangan di mana kesalahan teknik undang-undang tidak menjadi satu kesalahan. Datuk

Mohtar sudah menjadi, dengan izin, 'international laughing-stock'. Untuk rakyat biasa, kalau mereka melakukan kesalahan lalu lintas, bolehkah mereka merayu dilepaskan daripada diberikan saman kerana "melakukan kesilapan teknik yang tidak menjadi satu kesalahan automatik"? Jelas Peguam Negara mengamalkan 'double standard' di mana ada satu sistem undang-undang untuk orang atas dan satu lagi untuk orang bawah.

Kes rasuah Datuk Muslim telah diputuskan oleh mahkamah bahawa kesilapan teknik ini tetap satu kesalahan rasuah bila tertuduh hanya hadir dalam mesyuarat yang meluluskan faedah kepadanya dan tidak mengambil bahagian aktif sepertimana Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri mempengerusikan mesyuarat dan menandatangani kelulusan pemberian saham kepada menantunya. Itulah sebab mengapa Datuk Mohtar terpaksa juga mengaku bahawa satu kesilapan telah dilakukan. Akan tetapi Datuk Mohtar cuba membezakan kesilapan undang-undang ini sebagai satu kesilapan teknik yang tidak mahu menjadi satu kesalahan secara automatik.

Ini mungkin satu rekaan undang-undang baru Datuk Mohtar di mana satu kesilapan undang-undang bukanlah satu kesalahan kerana ia adalah satu kesilapan teknik.

Keengganan Peguam Negara mendakwa Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri melakukan amalan rasuah jelas dipengaruhi oleh faktor politik dan bukan atas dasar menegakkan undang-undang. Sama seperti juga pendakwaannya terhadap saya di bawah Akta Hasutan dan juga Akta Mesin Cetak dan Penerbitan di mana selain daripada kehilangan kelayakan Parlimen saya.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Saya menghadapi hukuman.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, perkara itu 'sub judice', Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Saya sebut sahaja, saya tidak cakap apa-apa.

Tuan Yang di-Pertua: Sebut sahaja itulah yang tidak boleh.

Tuan Lim Guan Eng: Nampaknya banyak tidak boleh hari ini, Tuan Yang di-Pertua. Ataupun pendakwaan ke atas Pengarah Tenaganita Irene Fernandez yang dituduh di bawah Akta Mesin Cetak dan Penerbitan. Apakah salah saya selain daripada mendedahkan skandal rasuah dan seks bekas Ketua Pemuda UMNO Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik? Apakah salah Irene Fernandez selain daripada mendedahkan kematian dan penindasan pekerja asing dalam pusat tahanan pekerja haram asing? Adakah kami berdua untung dari segi kewangan?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Dibandingkan dengan.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, 'sub judice' itu.

Tuan Lim Guan Eng: Okay, saya tidak mahu sebut lagi. Baik. Dibandingkan dengan kes Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa di mana ahli keluarganya jelas untung di mana keuntungan saham ini sepatutnya diberikan kepada golongan miskin atau golongan marhaen. Yang Berhormat dari Parit Sulong mahu mewakili tetapi tidak layak! Kami berdua sebenarnya harus dihargai.....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Cakap kuat sikitlah.

Tuan Lim Guan Eng:Irene Fernandez harus dihargai.....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Cakap kuat sikitlah.

Tuan Lim Guan Eng:kerana mendedahkan penyelewengan yang berlaku.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Cakap kuat sikit.

Tuan Lim Guan Eng: Saya mendesak Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa didakwa di bawah seksyen 2(1) Emergency Essential Powers Ordinance No.22/1970 kerana melakukan amalan rasuah yang boleh membawa hukuman penjara 14 tahun atau denda tidak melebihi RM20,000 atau kedua-duanya. Di bawah Datuk Mohtar Abdullah, undang-undang sudah terbalik bila yang tidak mengecapi keuntungan kewangan didakwa

manakala yang mengecapi keuntungan secara haram tidak didakwa. Oleh yang demikian, Datuk Mohtar patut dipecat kerana tidak menjalankan undang-undang dengan sama rata ke atas semua rakyat Malaysia tanpa kira kedudukan dan pangkat.

Tuan Yang di-Pertua, pengumuman peruntukan pembangunan desa sebanyak RM7,051 juta dalam tahun 1997 oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan dialu-alukan tetapi saya hairan mengapa kampung-kampung baru hanya diberikan RM30 juta di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh atau RM6 juta setahun sahaja. Peruntukan RM6 juta setahun kepada kampung baru berbanding dengan peruntukan RM7,051 juta untuk pembangunan desa adalah hanya 0.09% sahaja. DAP mencabar Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menjelaskan mengapa MCA begitu berpuashati dengan peruntukan RM6 juta setahun di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh kepada 1.7 juta penduduk di 452 buah kampung-kampung baru.

Ini dinyatakan oleh beliau semasa menjawab soalan bertulis Parlimen saya pada 29hb. Oktober ini. Dengan kata lain setiap kampung baru hanya mendapat RM13,724 setiap tahun. Saya tidak faham apakah jenis pembangunan yang boleh dijalankan dalam sebuah kampung baru dengan hanya RM13,724 sebuah kampung. Bina sebuah tandas pun tidak cukup!

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: [Bangun].

Tuan Lim Guan Eng: Kalau kita melihat angka RM6 juta untuk 1.7 juta penduduk kampung baru, ketidakadilan adalah lebih nyata.

Tuan Yang di-Pertua: Hendak beri jalankah atau tidak kepada Yang Berhormat dari Parit Sulong?

Tuan Lim Guan Eng: Tidak nampaklah! Ini adalah kerana kerajaan Barisan.....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Butakah?

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng:.....haya memberikan RM3.50 setiap penduduk setiap tahun.....

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: [Bangun]

Tuan Lim Guan Eng: di kawasan kampung baru. Adakah ini munasabah dan adil bila setiap orang di kampung baru membayar cukai beratus-ratus.....

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis: Dia tidak nampak? Hendak saya pinjamkan cermin mata?

Tuan Lim Guan Eng: Nanti saya habiskan.....di kawasan kampung baru. Adakah ini munasabah dan adil bila setiap orang di kampung baru membayar cukai beratus-ratus ringgit setiap tahun tetapi hanya mendapat balik RM3.50 setahun sahaja. Peruntukan RM6 juta setahun untuk kampung baru di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh telah menunjukkan kegagalan dan ketidakupayaan MCA memperjuangkan hak.....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Penjelasan.

Tuan Lim Guan Eng:orang bukan Melayu sungguhpun mendapat kemenangan besar di dalam pilihan raya besar 1995. Tidak. [Tidak mahu memberi jalan kepada Yang Berhormat dari Parit Sulong] Apakah gunanya penduduk kampung baru menyokong MCA bila masih didiskriminasikan oleh pihak kerajaan Barisan Nasional dengan mendapat RM3.50 seorang setahun.

Dato' Yap Pian Hon: [Bangun].

Tuan Lim Guan Eng: DAP menjangkakan MCA akan mendapat peruntukan beratus-ratus juta ringgit ataupun 1 bilion untuk penduduk kampung baru bagi berterima kasih ke atas mereka dan bukanlah setakat RM6 juta setahun sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: MCA bangun ya.

Tuan Lim Guan Eng: Memandangkan penduduk kampung baru adalah kira-kira satu per enam.

Tuan Noh bin Omar: Belum memerintah tidak mahu tunjuk demokrasi.

Tuan Lim Guan Eng: Satu per enam daripada penduduk luar bandar. Kampung baru seharusnya menerima peruntukan satu per enam RM7,051 juta iaitu RM1,175 juta dan bukanlah hanyalah RM6 juta setahun. Jelas sekali penduduk kampung baru gagal mendapat layanan adil dan MCA sekali lagi gagal mempertahankan hak dan kepentingan bangsa Cina.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Boleh tak penjelasan?

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Lim Guan Eng: DAP tidak boleh menerima dan menentang diskriminasi.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tidak boleh Tuan Yang di-Pertua. Dia mengelirukan fakta.

Tuan Lim Guan Eng: Dalam pemberian peruntukan pembangunan untuk penduduk kampung baru setakat RM6 juta setahun. Selagi Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan gagal menjelaskan mengapa MCA berpuas hati dengan peruntukan RM6 juta setahun untuk kampung baru berbanding dengan RM7,051 juta untuk pembangunan luar bandar, rakyat akan sedar sekali lagi bahawa mereka telah tertipu oleh MCA dan adalah tidak guna langsung untuk menyokong MCA.

Tuan Lim Si Cheng: [Bangun].

Tuan Lim Guan Eng: Apakah pula jumlah peruntukan pembangunan yang diberikan oleh kerajaan untuk ladang-ladang estet di bawah Rancangan Malaysia Keenam dan Rancangan Malaysia Ketujuh.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Takut!

Tuan Lim Guan Eng: Adalah dikesali MIC tidak langsung memperjuangkan peruntukan pembangunan untuk penduduk estet yang hidup melarat dan setengahnya tertindas oleh pemilik estet ladang.

Di sini saya juga harap RM2.4 bilion yang diperuntukkan tahun ini untuk memerangi kemiskinan akan dilaksanakan secara adil tanpa mengira kaum. Di antara inisiatif tahun ini ialah menyalurkan RM200 juta kepada Amanah Ikhtiar Malaysia untuk menyediakan modal kepada golongan miskin menjalankan perniagaan dan perusahaan kecil. Saya harap pinjaman ini akan diberikan berdasarkan keperluan dan bukan berdasarkan kaum. Kalau tidak, maka saya akan menentang peruntukan RM200 juta ini sehingga ia diberikan kepada golongan miskin tanpa kira kaum.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang sama, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri Pendidikan mengapa wujud diskriminasi dalam Rancangan Malaysia Ketujuh yang hanya memberikan RM50 juta untuk sekolah rendah jenis kebangsaan (Cina) dan RM11 juta untuk sekolah rendah jenis kebangsaan (Tamil) daripada peruntukan RM1,396 juta kepada

semua sekolah rendah kebangsaan. Adalah diharapkan, Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan akan menyokong usul saya menuntut peruntukan pembangunan yang lebih adil oleh sekolah (Cina) ditambahkan kepada RM259 juta dan sekolah (Tamil) ditambah kepada RM107 juta.

Sungguh tidak adil bahawa 1,287 sekolah rendah jenis kebangsaan (Cina) diberikan peruntukan pembangunan sebanyak RM50 juta dan 534 sekolah rendah (Tamil) diberikan RM11 juta di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh. Memandangkan Rancangan Malaysia Ketujuh adalah selama 5 tahun ini, bermakna sekolah (Cina) hanya akan menerima RM10 juta setahun ataupun setiap buah sekolah rendah (Cina) akan menerima peruntukan hanya RM7,770 setahun. Saya tidak faham apakah jenis pembangunan yang boleh dijalankan dengan RM7,770 setiap buah sekolah rendah jenis kebangsaan (Cina). Beli 2 buah komputer pun tak cukup. Keadaan lagi teruk untuk 534 sekolah rendah jenis kebangsaan (Tamil) yang menerima peruntukan pembangunan sebanyak RM2.2 juta setiap tahun, ataupun hanya RM4,200 setiap sekolah Tamil.

Mengapakah semua Menteri MCA, Gerakan, MIC, LDP, SAPP dan SUPP tidak membantah diskriminasi ini dan menuntut peruntukan pembangunan yang adil. Dari segi bilangan dan jumlah, 1287 sekolah rendah jenis kebangsaan (Cina) patut memperolehi RM259 juta. Manakala 534 sekolah rendah jenis kebangsaan (Tamil) patut menerima RM107 juta. Ini adalah kerana di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh kerajaan telah memperuntukkan RM1,396 untuk kesemua 6939 sekolah-sekolah rendah di Malaysia, dengan 1,287 sekolah rendah jenis kebangsaan (Cina) ia merupakan 18.5% semua sekolah rendah dan patut menerima bahagian mereka sebanyak 18.5% iaitu RM259 juta.

Sama juga sekolah (Tamil) yang merupakan 7.7% bilangan sekolah rendah dalam negara kita patut diberikan RM107 juta sebagai bahagian mereka. Sekolah rendah kebangsaan yang merupakan 73.8% semua sekolah rendah patut menerima RM1,030,000 tetapi menerima pula RM1,335,000. Ini adalah sungguh tidak adil kepada kaum ibu bapa penuntut sekolah tersebut yang membayar cukai kerana menafikan hak kepada sekolah rendah jenis kebangsaan (Cina) dan Tamil. DAP kesal bahawa MCA, Menteri

dan Timbalan Menteri Pendidikan, juga komponen-komponen Barisan Nasional seperti Gerakan, SUPP, LDP boleh menyokong pemberian peruntukan kecil yang tidak adil ini. Kalau mereka gagal memperjuangkan hak sekolah rendah jenis kebangsaan (Cina) dan (Tamil) dengan tidak membetulkan ketidakadilan ini, apa gunanya kaum bukan Melayu memberikan sokongan kuat kepada MCA, MIC dan Gerakan di dalam pilihan raya besar yang lepas.

Saya hanya menuntut bahawa bahagian peruntukan pembangunan sekolah-sekolah ini yang adil dan saksama, bukan yang lebih daripada itu. Itu mengikut bilangan sekolah mereka. Selagi Yang Berhormat Presiden MCA, Yang Berhormat Presiden MIC, Yang Berhormat Presiden Gerakan dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan gagal menunaikan janji pilihan raya besar, menuntut bahagian adil sebanyak RM259 juta untuk 1287 buah sekolah rendah jenis kebangsaan (Cina) dan RM107 juta untuk 534 sekolah rendah jenis kebangsaan (Tamil) di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, rakyat mesti menghukum pemimpin MCA, Gerakan dan MIC kerana telah menipu rakyat dan ahlinya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada 3,438 pelajar darjah 3 yang berjaya dalam peperiksaan melompat terus ke darjah 5 tahun depan. Memandangkan ada hampir 417,000 daripada 450,000 pelajar darjah 3 yang menyertai peperiksaan itu, pelajar dan ibu bapa mereka berhak tahu keputusan yang diperolehi. Kementerian Pendidikan harus mendedahkan kriteria dan keputusan peperiksaan yang membolehkan pelajar darjah 3 melompat masuk ke darjah 5 tahun depan. Tanpa butir terperinci tentangnya, ia menimbulkan persoalan tentang komitmen pihak kementerian terhadap ketelusan dan keterbukaan.

Saya juga amat kesal dengan keputusan Jabatan Pendidikan Johor bermain politik dengan membenarkan Dewan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina), Chung Hua II di Muar disewakan kepada MCA untuk meraikan Perayaan Ulang Tahun ke-47 MCA pada 11hb. November tahun ini oleh bahagian MCA Bakri. Ini adalah kerana pihak Jabatan Pendidikan telah menyatakan tidak akan menyewakan Dewan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) Chung Hua II kepada parti politik termasuk parti

pemerintah. DAP pernah menjadi mangsa keputusan ini. Bila jamuan makan malam DAP Muar yang telah menempah Dewan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) Chung Hua II dibatalkan pada saat-saat terakhir tanpa memberikan tempat alternatif dalam tahun 1991. Pihak sekolah dan Jabatan Pendidikan Johor tidak menghiraukan masalah yang timbul bila jamuan makan malam dibatalkan di saat terakhir pada malam yang sama. Sebab yang diberikan ialah semua parti politik tidak boleh menyewa dewan sekolah tersebut.

Keputusan membenarkan bahagian Bakri MCA menyewa dewan itu semula untuk jamuan makan malam ulang tahun MCA jelas menunjukkan bahawa ada double standard dan diskriminasi politik. Oleh itu, adalah perlu arahan parti politik tidak dibenarkan menyewa dewan sekolah tersebut dikeluarkan. Dan bahawa penyewaan ini dibatalkan terus kepada MCA.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan bahawa DAP tidak menentang peruntukan sebanyak RM125.7 untuk kelas Fardu Ain dan Al-Quran dan RM1 bilion untuk pendidikan dan pengajian Islam daripada maktab hingga universiti termasuk Universiti Islam Antarabangsa. Peruntukan ini adalah perlu untuk memupuk nilai-nilai murni dan suci dalam pengajaran Islam. Akan tetapi, mengapa peruntukan tidak dikeluarkan untuk pengajian agama lain selain daripada Islam untuk penganut bukan Islam? Kalau kerajaan serius atau komited untuk menggalakkan nilai moral yang murni yang merupakan prasyarat membina sebuah masyarakat madani, tidak perlu wujud diskriminasi ke atas penganut bukan Islam, di mana pengajian agama mereka tidak diberikan bantuan dan peruntukan langsung. Oleh itu, saya harap pihak kerajaan akan memberikan peruntukan untuk kelas agama penganut bukan Islam.

Saya juga meminta sama ada daripada peruntukan biasiswa dan pinjaman persekolahan sebanyak RM1.2 bilion setahun, adakah ia diberikan tanpa mengira kaum? Bolehkah pecahan diberikan mengikut kaum? Adakah dana pendidikan tinggi sebanyak RM100 juta yang dicadangkan untuk pelajar-pelajar miskin di institusi-institusi pengajian tinggi tempatan juga akan terbuka untuk semua kaum?

Mengenai permohonan mendaftarkan Kolej Era Baru Dong Xiau Dong, mengapa pula perlu

makan masa yang begitu lama untuk meluluskannya bila MCA telah membuat janji dalam pilihanraya besar tahun lepas bahawa ia pendaftarannya tidak merupakan masalah besar. Apakah sebenarnya masalah teknik yang tidak boleh diatasi? Di sini, saya juga ingin meminta Kementerian Pendidikan mengiktirafkan peperiksaan bersatu atau 'unifact examination' 'Dong Zhio Zong, Dong Zhiao,' yang diiktiraf oleh universiti terkemuka luar negeri, dan juga apakah rasional sarjana muda Universiti Taiwan di Taipeh tidak diiktiraf di negara kita bila ia diiktiraf oleh universiti terkemuka seperti Cambridge atau Harvard.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyambut baik tujuan Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan untuk memaksa pemaju perumahan menunaikan tanggungjawab sosialnya, bukan setakat mencari keuntungan semata-mata, tetapi juga membina rumah kos rendah untuk golongan miskin. Malangnya, usaha Yang Amat Berhormat nampaknya tidak berkesan kerana banyak pemaju perumahan yang masih tidak mematuhi nasihatnya dengan membina rumah kos rendah.

Apakah tindakan yang diambil ke atas pemaju perumahan dan kerajaan negeri yang gagal membina rumah kos rendah? Saya masih nampak ada banyak kes pemaju perumahan yang membina rumah mewah tetapi tidak satu unit pun rumah kos rendah. Contohnya, 3 projek raksasa di Melaka yang melibatkan projek perumahan Taman Tasik Utama di Air Keroh bernilai RM3 bilion oleh Metacorp Bhd. dan projek Expo Negeri Melaka di Air Keroh bernilai RM600 juta oleh Malfa International Bhd. Yang pertama - Projek Expo Negeri Melaka - RM600 juta akan dibelanjakan dalam masa 6 tahun untuk membangunkan tapak 32.8 hektar tanah dengan membina sebuah hotel 3 bintang, sebanyak 200 bilik. Rumah kediaman mewah, lebu pasar raya, pusat kewangan, kondominium dan pusat konvensyen, tetapi tidak ada satu unit pun rumah kos rendah.

Projek Taman Tasek Utama bernilai RM3 bilion melibatkan 800 hektar di Air Keroh dan bila siap pada tahun 2006 akan mempunyai 4,000 unit rumah kediaman, 800 unit lot komersial serta kawasan industri, akan tetapi semua rumah kediaman adalah berjenis rumah teres, rumah pangsa, rumah teres dua tingkat, rumah berkembar, banglo dan rumah kedai, tidak ada pun satu unit rumah kos rendah.

Projek Kompleks World Youth Foundation sebanyak RM200 juta mengandungi hotel, kompleks perniagaan, apartment, tetapi tidak ada seunit pun rumah kos rendah. Kerajaan negeri Melaka pun telah memberikan keistimewaan dengan mengenakan premium tanah untuk 3.9129 hektar tanah di depan Lebu Raya Air Keroh sebanyak RM600,000 sahaja bila nilai pasaran (premium) adalah RM8.42 juta, tetapi hanya dikenakan RM600,000 sahaja.

Ketiga-tiga projek ini mempunyai unsur-unsur penyelewengan, kerana tidak dijalankan dengan tender terbuka dan boleh membeli tanah kerajaan dengan harga jauh lebih rendah daripada harga pasaran. Jelas, sungguhpun pelbagai faedah diberikan kepada pemaju, mereka tidak pun membina rumah kos rendah dan kerajaan negeri Melaka gagal mempertahankan kepentingan awam dengan tidak mewajibkan mereka membina rumah kos rendah. Saya harap tindakan akan diambil oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan untuk memaksa rumah kos rendah di bina dalam ketiga-tiga projek ini.

Dalam Belanjawan 1994, kerajaan telah menubuhkan 3 tabung khas untuk menggalakkan pembinaan rumah kos rendah;

- (i) tabung perumahan untuk golongan termiskin sebanyak RM600 juta;
- (ii) tabung untuk mempercepatkan pembinaan rumah kos rendah sebanyak RM500 juta; dan
- (iii) tabung pusingan perumahan kos rendah sebanyak RM2 bilion.

Ketiga-tiga tabung ini hampir habis digunakan dan 81,248 unit rumah kos rendah telah dibina dalam tempoh 3 tahun ini. Saya hendak bertanya, adakah kerajaan berpuas hati dengan prestasi 3 tabung khas perumahan kos rendah yang hanya menyumbang 81,248 unit rumah kos rendah. Ini adalah kerana 81,248 unit rumah kos rendah yang dibina bernilai RM2,031 juta sedangkan ketiga-tiga tabung yang disediakan adalah RM3,100 juta. Atau dengan kata lain, ketiga-tiga tabung sebanyak RM3.1 bilion patut boleh membina 124,000 unit rumah kos rendah tetapi hanya 81,248 unit yang dibina. Saya ingin bertanya sejauh manakah prestasi sasaran membina 170,000 unit oleh sektor awam dan 380,000 oleh sektor swasta di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh serta 5,820 unit oleh KWSP?

Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak patut cadangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menaikkan harga rumah kos rendah. Tidak ada sebab mengapa harga rumah di kawasan bandar perlu dinaikkan jika kerajaan Negeri Pulau Pinang, Trengganu, Perak dan Johor boleh mengekalkan harganya pada RM25,000. Ada cara lain untuk mengurangkan kos pembinaan rumah kos rendah dengan memastikan badan-badan berkanun lain seperti Tenaga Nasional, Telekom Malaysia, Indah Water Konsortium menyumbang kos kepada pembinaan rumah kos rendah. Kini pemaju perumahan terpaksa membuat bayaran kepada Tenaga Nasional, Telekom Malaysia dan IWK untuk memasukkan kemudahan asas ini.

Ini menyumbangkan kira-kira RM3,000 seunit kepada kos pembinaan rumah kos rendah. Sekiranya sumbangan RM3,000 seunit boleh dijimatkan, ia akan membantu lagi usaha pembinaan rumah kos rendah. Sudah sampai masanya semua badan berkanun diwajibkan menanggung kos ini sebagai sumbangan mereka kepada masyarakat. Adalah tidak adil, hanya pemaju perumahan yang diminta berkorban, tetapi badan-badan berkanun boleh terus menikmati keuntungan secara percuma.

Saya juga berharap pihak kerajaan boleh mengambil tindakan ke atas dua pemaju rumah kos rendah tersebut, iaitu satu - Pemaju Selayang Indah Sdn. Bhd. di Taman Pengkalan Indah Alor Gajah, Melaka yang memaksa semua pembeli 161 unit rumah kos rendah membayar RM800 untuk membuat, dengan izin, internal plastering. Sungguhpun dalam surat perjanjian jual-beli ada disebutkan internal and external plastering, merupakan sebahagian kerja dan kosnya yang akan ditanggung oleh pihak pemaju. Pemaju mesti membuat internal plastering tanpa mengutip bayaran daripada pembeli.

Kedua, Pemaju perumahan Almatan Sdn. Bhd - yang tidak membina tangki air untuk 108 unit rumah kos rendah di Rumah Awam Tebong, Taman Sri Cahaya Melaka, sepertimana ternyata dalam pelan rancangan yang diluluskan oleh Majlis Daerah Alor Gajah dan surat perjanjian jual-beli dengan pembeli, sebaliknya 4 buah rumah kos rendah dibina dalam tapak tangki air yang menyebabkan masalah kekurangan air berlaku. Sungguhpun perkara ini telah di bawakan kepada perhatian kerajaan, tidak ada sebarang tindakan diambil.

Ini memberi gambaran tidak sihat bahawa tidak ada tindakan diambil kerana ia membabitkan masalah rumah orang miskin. Adalah diharapkan pihak kerajaan juga akan prihatin terhadap masalah golongan miskin.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meminta Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan menunaikan janjinya akan melepaskan secara automatik rumah-rumah di bawah peruntukan kuota bumi yang masih belum dijual selepas 6 bulan. Beliau telah mengumumkan di Pulau Pinang pada 25hb. September 1994 bahawa Kabinet telah membuat keputusan demikian untuk menjual kepada pembeli bukan bumi semua rumah di bawah kuota bumi yang masih belum dijual selepas 6 bulan. Malangnya, janji ini tetap menjadi janji kosong pilihan raya besar 1995. Ini adalah kerana di Melaka pelepasan kuota bumi masih belum diberikan, bukan selepas 6 bulan, tetapi 2 tahun pun belum diberikan. Masalah ini merupakan masalah besar kerana kuota bumi perumahan di Melaka ditetapkan dengan kadar tinggi, sampai 7% di kawasan bandar dan juga ada kes 100% di kawasan pilihan raya saya.

Keengganan kerajaan Negeri Melaka melepaskan kuota bumi yang tidak dapat dijual telah menyusahkan pemaju perumahan dan pembeli bukan bumi yang tidak dapat membeli rumah. Ia juga menaikkan kos kepada pemaju perumahan yang akhirnya akan disalurkan kepada pembeli bukan bumi. Di samping itu, ia juga memberikan peluang kepada pegawai kerajaan yang tidak bertanggungjawab untuk melakukan amalan rasuah kalau dikehendaki pelepasan kuota bumi bagi satu-satu unit. Oleh itu, saya harap Yang Amat Berhormat boleh menegakkan keputusan Kabinet dan mengarahkan kerajaan Negeri Melaka melepaskan kuota bumi secara automatik rumah-rumah yang masih belum dijual selepas 6 bulan.

Saya juga ingin membawa beberapa isu yang berbangkit dalam Laporan Ketua Audit Negara 1995 seperti berikut: Yang pertama, saya ingin mendesak Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan menubuhkan satu jawatankuasa khas ke atas badan-badan berkanun yang gagal membayar hutang dan mempunyai tunggakan pinjaman besar kepada Kerajaan Pusat setakat 31hb. Disember, 1995.

Mengikut Laporan Ketua Audit Negara untuk Kerajaan Persekutuan tahun lepas yang

baru dibentangkan kepada Parlimen, tunggakan pinjaman oleh sektor awam kepada kerajaan adalah sebanyak RM3,200 juta. Daripada jumlah tunggakan pinjaman ini hampir 60% datang daripada 4 badan berkanun, seperti Perwaja Terengganu Sendirian Berhad, Jabatan Penerbangan Awam, Perbadanan Aset Kereta Api dan Bank Pertanian Malaysia yang mempunyai tunggakan pinjaman sebanyak RM1.9 bilion.

Laporan Ketua Audit Negara melahirkan perasaan bimbang sama ada kerajaan boleh mendapat balik bayaran tunggakan pinjaman RM1.9 bilion oleh empat buah badan berkanun ini. Perbadanan Aset Kereta Api mempunyai tunggakan pinjaman terbesar sebanyak RM660.25 juta, diikuti oleh Jabatan Penerbangan Awam sebanyak RM554.73 juta, Perwaja sebanyak RM474 juta dan Bank Pertanian Malaysia sebanyak RM211.43 juta.

Adalah penting dengan tindakan serius diambil oleh beliau untuk mengatasi tunggakan pinjaman sebanyak RM3.2 bilion ini di mana RM1.9 bilion disebabkan oleh empat badan berkanun sahaja untuk mengelakkan satu skandal kewangan besar dan memastikan rakyat tidak akan kerugian wang.

Yang Amat Berhormat juga mesti meminta Jabatan Hasil Dalam Negeri menjelaskan, mengapa Jabatan Hasil Dalam Negeri membenarkan Elaun Pelaburan Semula (EPS) sebanyak RM164 juta tanpa mengikut peraturan. Adalah sungguh mengejutkan bila Ketua Audit Negara menyatakan EPS sebanyak RM151 juta dibenarkan kepada 29 syarikat tanpa menerima borang permohonan EPS pun daripada syarikat berkenaan dan EPS sebanyak RM10.63 juta diberikan sungguhpun tidak memenuhi syarat pemberian EPS. Dan EPS sebanyak RM1.2 juta diberikan sungguhpun tidak diminta daripada dua buah syarikat.

Elaun Pelaburan Semula merupakan satu insentif khas yang diperkenalkan dalam Tahun Taksiran 1980 bagi menggalakkan perkembangan dan peningkatan syarikat-syarikat pengilangan di Malaysia. Jika EPS diberikan sungguhpun syarikat tersebut tidak memintanya atau tidak layak, ia merupakan satu kerugian besar kepada negara, lagipun ia akan menggagalkan usaha kerajaan menggalakkan pelaburan semula oleh syarikat-syarikat dalam Malaysia untuk mempertingkatkan pertumbuhan ekonomi.

Di samping itu, Yang Amat Berhormat mesti mengarahkan Jabatan Kastam dan Eksais menjelaskan kepada Dewan yang mulia ini, mengapa projek pembinaan Akademi Kastam naik hampir 100% daripada kos asal RM11.35 juta kepada RM20.43 juta? Adalah sungguh mengecewakan bila RM103,927 dibelanjakan untuk membina gelanggang-gelanggang tenis dan sepak takraw dan diperbaiki dengan kos RM93,000, akhirnya kesemuanya terpaksa dirobohkan kerana dianggap merbahaya.

Kos tambahan RM197,000 ini dapat dijimatkan sekiranya ada kajian struktur tanah dan perancangan awal yang baik dijalankan dan adakah satu kajian dijalankan mengapa kos asal boleh naik hampir 100% daripada RM11.35 juta kepada RM20.43 juta?

Satu perkara lagi yang amat mengejutkan ialah macam mana Kementerian Kerja Raya boleh membenarkan kos pembinaan jalan sepanjang 14 kilometer di Jalan Gunung Raya, Pulau Langkawi, sebanyak RM27.54 juta tetapi kos pembaikannya adalah RM36 juta. Kos pembaikan RM36 juta diperlukan kerana kerosakan serius di jalan itu di mana cerun runtuh, jalan mendap serta pembenteng-pembenteng pecah. Dengan kata lain, jalan 14 kilometer rosak sebaik sahaja ia siap dibina pada 20hb. Oktober, 1991. Kontraktor asal sepatutnya bertanggungjawab ke atas segala pembaikan semula tetapi tidak dihukum atau dikenakan tindakan langsung.

Pengurusan projek yang lalai dan tidak bertanggungjawab ini telah menjadikan Jalan Gunung Raya di Pulau Langkawi, jalan yang termahal di Malaysia iaitu RM63.54 juta untuk 14 kilometer jalan sahaja atau RM4.5 juta sekilometer jalan. Adakah jalan yang termahal di Malaysia, sebanyak RM4.5 juta sekilometer ini merupakan satu lagi tarikan pelancongan untuk Pulau Langkawi?

DAP mendesak Kementerian Pertanian menerangkan mengapa denda RM18.7 juta tidak dikenakan ke atas Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) kerana lewat menghantar baja dan menghantarkan baja yang tidak berkualiti. Apakah layanan istimewa dinikmati oleh NAFAS. Mengikut satu surat perjanjian di antara pihak Kementerian Pertanian dan NAFAS menguruskan Skim Subsidi Baja Padi, NAFAS sepatutnya dikenakan denda RM18.4 juta kerana lewat

menghantar baja bagi tempoh 1991 hingga 1995. NAFAS juga patut didenda RM321,000 kerana membekal baja yang tidak berkualiti bernilai RM4.43 juta kepada pesawah dan peladang. Keengganan mengenakan denda bukan sahaja merupakan kerugian RM18.7 juta kepada negara tetapi juga merugikan peladang dan pesawah.

Satu lagi perkara ialah mengenai pembinaan Pusat Pelancongan dan Rekreasi Pulau Upeh di Melaka yang naik empat kali ganda daripada RM3.32 juta kepada RM13 juta. Saya tidak tahu macam mana kenaikan ini sebanyak empat kali ganda boleh dibenarkan.

Dan selain daripada itu juga, timbul beberapa penyelewengan yang berikut:-

- (i) Tiga jenis kerja bagi lanskap bekalan air dan pembinaan jeti sebanyak RM2.24 juta dalam kontrak asal telah dijalankan oleh kontraktor lain dengan kos berlebihan RM765,168. Kos tambahan RM765,000 tidak dituntut daripada kontraktor asal;
- (ii) Sungguhpun Pulau Upeh mempunyai pantai, satu kolam renang berharga RM1.12 juta dibina kerana pantai Upeh berbatu dan tidak sesuai untuk berenang. Kos ini tidak termasuk dalam anggaran asal;
- (iii) Satu syarikat dipilih tanpa menerusi proses tender untuk menguruskan projek ini dengan kadar sewa sebanyak RM15,000 sebulan sahaja kepada Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Melaka. Ini berbanding dengan bayaran susutnilai, cukai tanah, cukai taksiran harta dan premium insuran sebanyak RM23,785 sebulan ataupun RM285,400 setahun yang terpaksa ditanggung oleh PKENM tanpa mengira kos pembinaan sebanyak RM13 juta. Kadar sewaan sebanyak RM15,000 sebulan yang dibayar kepada PKENM adalah tidak cukup untuk membayar kos bulanan operasi sebanyak RM23,000. Kalau tender terbuka tidak dijalankan, adalah jelas kadar sewa mesti sekurang-kurangnya melebihi RM23,785 sebulan untuk membiayai kos operasi. Dengan kata lain bayaran sewa begitu rendah ini tidak cukup untuk membiayai kos

bulanan yang dialami oleh PKENM.

Adalah jelas bahawa ada banyak persoalan yang timbul yang mesti dijelaskan, mengapa tidak ada tender terbuka dijalankan? Wang rakyat boleh dibazirkan dan disalahgunakan. Dan apakah keistimewaan syarikat pengurusan Pulau Upeh sehingga membuat bayaran sewa yang dikenakan lebih rendah daripada kos operasi untuk pemilik Pulau Upeh yang dimiliki oleh rakyat dan Kerajaan Negeri Melaka.

Saya harap beberapa isu ini yang dibawa oleh Ketua Audit Negara boleh diambil berat oleh pihak kerajaan kerana membabitkan wang rakyat dan juga prinsip accountability kepada rakyat, macam mana wang mereka dibelanjakan. Sekiranya tindakan tegas tidak diambil sama ada terhadap pihak yang bertanggungjawab, ini akan menggagalkan sebarang usaha kerajaan melaksanakan program Wawasan 2020.

Tuan Yang di-Pertua, kami daripada pihak DAP juga mengambil kesempatan ini untuk mendesak Perdana Menteri Australia, John Howard mengecam dengan jelas sentimen perkauman terhadap rakyat berketurunan Asia yang kini melanda Australia selepas kecaman perkauman seorang Ahli Parlimen Bebas, Pauline Hanson di Parlimen Australia. Pauline Hanson telah mendesak Pasukan Pendatang daripada Benua Asia dihentikan, menentang pemberian bantuan kepada golongan pribumi Australia dan juga sebuah angkatan tentera harus ditubuhkan untuk menangani sebarang serangan daripada Asia.

Ekoran ucapan perkauman ini, beberapa tentera Singapura yang menjalankan latihan di Queensland diserang oleh rakyat tempatan. Kegagalan John Howard mengecam kenyataan sentimen perkauman anti-Asia ini memberikan gambaran beliau bersetuju dengan pandangan perkauman, lebih-lebih lagi beliau pernah membuat kenyataan anti-Asia yang kemudiannya ditarik balik. Oleh yang demikian, John Howard mestilah menyatakan "No To Racism" dengan izin, dan mengambil tindakan keras terhadap mana-mana golongan anti-Asia.

Saya juga harap Yang Amat Berhormat Menteri Luar Negeri, boleh menyatakan perasaan tidak puas hati tentang sentimen anti-Asia dan menimbulkan perasaan bimbang tentang keselamatan penduduk berketurunan

Asia di Australia. Ini adalah kerana Malaysia mempunyai ramai penuntut di sana dan kalau keadaan tidak dipulihkan, ramai ibu bapa akan risau tentang keselamatan anak-anak mereka.

DAP juga menyatakan perasaan kesal terhadap keputusan mahkamah negara China memenjarakan pemimpin pelajar, Wang Dan selama 11 tahun. Tidak ada sebabnya seorang dipenjarakan selama 11 tahun kerana mengeluarkan pendapat yang berlainan dengan kerajaan. Keputusan memenjarakan Wang Dan begitu panjang selama 11 tahun mencabuli semua prinsip hak-hak manusia. Lebih-lebih lagi bila perbicaraan mahkamah dijalankan secara tertutup dan peguam belanya tidak diberikan masa yang cukup untuk bersedia dan menyampaikan hujah-hujah. Adalah diharapkan kerajaan negara China boleh membebaskan Wang Dan demi menghormati hak asasi manusia.

Pada masa yang sama, saya ingin bertanya mengapa Malaysia enggan mengiktiraf Aung Sang Suu Kyi sebagai pemimpin negaranya apabila beliau telah memenangi pilihanraya besar Myanmar dengan 80% kerusi. Kerjasama rapat di antara Malaysia dan Myanmar, berlawanan dengan budaya demokrasi yang diamalkan dalam negara kita di mana pemenang pilihan raya akan diberikan peluang memerintah. Macam mana Perdana Menteri boleh menjustifikasikan pemerintahan SLORC (State Law And Order Restoration Council) sebagai baik kepada rakyat Myanmar bila rakyat telah menolaknya dalam pilihan raya besar 1990 di mana Parti SLORC hanya memenangi 5% kerusi sahaja.

Demi mempertahankan imej negara berbudaya demokrasi daripada dicemar dengan sokongan SLORC oleh Malaysia, DAP telah mengambil bahagian dalam satu pertubuhan alternatif Asean Network oleh Burma yang dihadiri oleh Naib Pengerusi DAP, Ahli Yang Berhormat dari Kepong di Bangkok baru-baru ini. Adalah diharapkan Malaysia akan menyokong inisiatif memulihkan demokrasi di Myanmar dan bukan sebaliknya.

Pada masa yang sama, DAP juga ingin menyatakan sokongan terhadap perjuangan rakyat Timur Timor untuk mendapat kebebasan dan menentukan masa depan mereka. Saya ingin menyeru Malaysia menyokong Bangsa-Bangsa Bersatu bahawa satu pungutan suara

diadakan di Timur Timor untuk rakyat di sana menentukan sama ada mahu terus dijajah oleh Indonesia ataupun merdeka.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan awal tadi, Belanjawan 1997 adalah penuh dengan "contradiction" dengan izin. Yang Amat Berhormat Menteri mahu mengaitkan upah dengan produktiviti supaya kos upah tidak naik tetapi pula membenarkan gaji golongan korporat naik melambung tinggi. Dan tidak pula menasihatkan rakan sejawatnya atau rakan bawahannya, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, meningkatkan prestasi ataupun produktiviti dengan menghadiri persidangan Parlimen.

Saya percaya Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan, bersetuju bahawa rekod kehadiran 80% di antara tahun 1990 hingga 1994 dengan menghadiri hanya 22 hari daripada 272 hari Dewan Rakyat bersidang bukanlah budaya kerja yang digalakkan oleh beliau. Tempoh masa 272 hari Dewan Rakyat bersidang, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan hanya hadir 22 hari sahaja. Saya rasa Yang Amat Berhormat bersetuju tetapi ini bukanlah satu contoh yang baik, yang saya rasa Yang Amat Berhormat tidak akan galakkan budaya bukan "work culture" dengan izin, budaya kerja yang ingin kita galakkan. Sekurang-kurangnya Yang Amat Berhormat kena datang walaupun sibuk, tetapi beliau tidak pernah datang langsung hanya belanjawan beliau baru hadir mungkin kerana ada siaran secara langsung televisyen, baru beliau hadir. Saya nampak juga Yang Berhormat Timbalan Presiden MCA, sungguhpun sibuk tetapi dia cuba pada pukul 5.00 setiap hari untuk hadir. Oleh sebab itu, saya tidak nampak mengapa Presiden MCA begitu istimewa, begitu privileg sehingga dia tidak boleh hormat Parlimen dan hadir ke Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, kita pun mahu meningkatkan profesionalisme bukan seperti contoh kesilapan yang tertera dalam Laporan Ekonomi 1996-1997 dalam muka surat 7 dan 28 laporan ekonomi yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat, dalam bahagian kewangan Kerajaan Persekutuan, hasil negara dianggarkan RM50,778 juta, perbelanjaan mengurus RM41,713 juta, lebihan atau defisit akaun semasa RM19,065 juta, perbelanjaan pembangunan bersih RM15,119 juta, lebihan keseluruhannya RM3,946 juta.

Tuan Yang di-Pertua, angka-angka ini bercanggah dengan pengumuman Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan. Peruntukan RM42,713 juta ini benar tetapi untuk perbelanjaan pembangunan RM17,269 juta bukan seperti mana yang tertera dalam Laporan Ekonomi 1996-1997 iaitu RM15,119 juta. Dan akaun Persekutuan akan mencatatkan lebih RM2,466 juta tetapi dalam Laporan Ekonomi lebih RM3,946 juta pula yang diberikan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat) *mempengerusikan mesyuarat*].

Adalah diharapkan bahawa kesilapan ini boleh dibetulkan kerana bila saya melihat "corregenda" atau pembedulan, ia tidak disebutkan pun dan saya harap kesilapan ini boleh dibetulkan dan tidak akan diulangi lagi. Untuk memastikan Laporan Ekonomi adalah sebuah dokumen yang boleh dipercayai dan diyakini kerana ia digunakan oleh banyak pihak ekonomi dan pelabur.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya ingin merujuk kepada petikan Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan, ungkapan Reinhold Neibuhr iaitu "man's capacity for justice makes democracy possible, but man's inclination to injustice makes democracy necessary" sangat bermakna, very beautiful actually - an expression.

Tetapi adakah Yang Amat Berhormat 'practise what he preaches, dengan izin, 'cakap serupa bikin'? Kalau beliau benar-benar menjunjung demokrasi, apakah usaha yang dijalankan oleh beliau untuk memastikan keadaan demokrasi benar-benar wujud seperti surat khabar yang bebas, sistem pilihan raya yang bebas dan adil serta memansuhkan semua undang-undang yang mencabuli hak asasi manusia? Mengapa perlunya Akta Keselamatan Dalam Negeri yang bertentangan dengan prinsip demokrasi?

Saya harap boleh dimaklumkan beberapa orang kini masih ditahan di bawah ISA dan sebab mengapa mereka ditahan. Sebagai pejuang kebenaran, bukankah benar bahawa tujuan utama ISA ialah untuk memaksa mangsa atau orang yang ditahan mengakui salah sungguhpun tidak bersalah, bercakap bohong sungguhpun tidak cakap bohong dan menafikan kebenaran.

Inilah pengalaman saya Tuan Yang di-Pertua, semasa saya ditahan di bawah ISA dan saya percaya itupun pengalaman Yang Amat

Berhormat Menteri Kewangan apabila beliau juga turut ditahan pada tahun 70-an. Beliau akan disoal-siasat oleh pihak cawangan khas dan diminta mengakui bahawa apa yang dibuat salah, malah saya diminta tonjol di televisyen untuk mengakui bahawa saya salah. Saya hanya akan dibebaskan dengan syarat menolak pendirian politik saya, menarik balik ucapan saya dan menyembah Kerajaan Barisan Nasional dan Perdana Menteri. Saya rasa itulah pengalaman serupa yang dihadapi oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan. Dan kerana saya enggan berbuat demikian, saya ditahan selama 18 bulan sungguhpun saya bukanlah ancaman kepada keselamatan negara. Sama juga kerana Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan enggan berbohong, enggan menolak pendirian politik beliau, enggan menyembah Kerajaan Barisan Nasional dan Perdana Menteri pada masa itu, beliau juga terpaksa terus ditahan.

Memandangkan bahawa undang-undang ini adalah sangat tidak adil, saya harap kalau Yang Amat Berhormat benar-benar percaya bahawa demokrasi bukan sahaja possible, dengan izin, tetapi adalah necessary, adalah perlu. Langkah yang paling penting yang harus diambil oleh beliau ialah untuk memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri. Kalau ungkapan atau petikan 'Reinhold Neibuhr' tidak disusuli dengan tindakan, ia tidak bermakna langsung.

Akta Keselamatan Dalam Negeri telah disalahgunakan, sungguhpun 10 tahun yang lepas, 27hb. Oktober ialah ulang tahun ke-9 Operasi Lalang - sungguhpun 10 tahun yang lepas saya rasa, saya bukanlah ancaman kepada keselamatan negara - saya ditahan. Saya kini percaya mungkin benar - mungkin tidak benar. Kalau dibandingkan saya sekarang dengan 10 tahun yang lepas, saya boleh dianggap sebagai ancaman yang lebih besar kalau dibandingkan dengan masa itu. Tetapi mengapa pula saya tidak ditahan? So, itu jelas menunjukkan Tuan Yang di-Pertua, bahawa Akta Keselamatan Dalam Negeri adalah satu alat politik yang digunakan terhadap pihak pembangkang.

Seperti yang sedia dimaklumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan yang memang seorang pakar agama, semua agama mengajar nilai, dengan izin, 'the truth shall set you free'. Akan tetapi ISA pula menyatakan 'only lies can set you free'. Saya rasa ini adalah pengalaman pahit yang sama-sama pernah

dialami dan kita boleh berkongsi pengalaman seperti ini, 'hanya kalau berbohong baru boleh bebas'. Ini jelas menunjukkan bahawa ISA berlawanan dengan semua ajaran, semua prinsip, semua nilai agama. 'Is not the truth that set you free' 'is the lies that set you free'. Oleh kerana kita menjunjung dan kita menegakkan kebenaran, inilah perbezaan di antara falsafah politik DAP yang menentang ISA kerana ingin menegakkan kebenaran, berbanding dengan Barisan Nasional yang menyokong ISA kerana perlukan pembohongan dan fitnah.

Sebelum saya menghabiskan ucapan ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sekali lagi meminta bahawa pihak kerajaan akan benar-benar 'telus' dan saya amat kesal dalam satu ucapan belanjawan, bila saya bertanya tentang cara wang diperolehi oleh Ketua Pemuda UMNO yang baru tidak mahu dijawab. Saya hanya bertanya kerana ini telah menimbulkan persoalan mengapa dia menjual 2 juta saham 'Tekala' mendapat wang tunai RM14 juta.....

Seorang Ahli: Fitnah!

Tuan Lim Guan Eng: tiga-empat hari sebelum pemilihan UMNO. Kalau 'ya' adalah untuk berniaga, umumkan. Ini tidak akan merupakan masalah dan kita akan menerima kalau 'ya' digunakan untuk perniagaannya. Saya tahu beliau adalah seorang ahli korporat, tetapi perkara ini tidak dijelaskan, banyak gambaran, banyak tanggapan, banyak yang tidak betul akan timbul. Kalau beliau hendak menonjolkan diri, seorang pemimpin yang 'telus' beritahu bahawa wang ini digunakan bukan untuk berkempen dalam pemilihan Ketua Pemuda UMNO, di mana beliau berjaya, tetapi untuk perniagaannya. Kerana tiga-empat hari sebelum pemilihan UMNO beliau menjual saham dan mendapat RM14 juta, saya rasa ini akan menimbulkan banyak pertanyaan. Oleh sebab itu saya hendak nyatakan di sini, saya tidak mendakwa Yang Berhormat Ketua Pemuda UMNO, saya hanya minta perkara ini dijelaskan supaya rakyat akan tahu.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:
[Bangun]

Tuan Lim Guan Eng: Dan tidak ditutup, kerana kita tidak mahu tradisi bekas Ketua Pemuda UMNO. Kita mahu tradisi yang ditunjukkan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: 36(6), Tuan Yang di-Pertua, tadi kes ini sama juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Nanti dahulu Yang Berhormat. Ya, Yan bangun atas apa?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Point of order, Tuan Yang di-Pertua,

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Nanti Kota Melaka, duduk dahulu.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: 36(6) - duduk! duduk!

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Sangkaan jahat ya!

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Ha! sangkaan jahat - cukup jahat, punya sangka!

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Terhadap siapa?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Terhadap wakil rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Siapa?

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Daripada Bagan Datok.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Saya akan buat keputusan.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Ha! beritahu pada dia, berapa kali sudah khabar dia tidak tahu bahasa.

Seorang Ahli: Repeat.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Repeatlah!

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, tidak payah buat ulasan. Saya yang akan buat keputusan.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Kota Melaka telah pun mengambil masa yang begitu panjang untuk berucap, walaupun tidak ada had tempoh, tetapi

Yang Berhormat elok juga buat penggulungan. Kalau boleh diminta gulung.

Tuan Lim Guan Eng: Saya akan gulung.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ya.

Tuan Lim Guan Eng: Saya akan gulung, saya akan terima pandangan Tuan Yang di-Pertua, saya akan gulung dengan harapan bahawa tradisi yang kita nampak ialah sepertimana yang ditonjolkan oleh Yang Berhormat dari Chenderoh iaitu secara terbuka mengisytiharkan hartanya. Kalau kita hendak contoh yang baik, kita hendak satu pemulaan yang baik, kita mesti menunjukkan kita berbeza, we are difference dengan pemimpin sebelum itu. So, oleh sebab itu, saya harap bahawa falsafah politik yang baru sepertimana yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan sungguhpun tidak disusuli dengan tindakan akan menjadi hakikat. Oleh itu, saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana memberikan peluang kepada saya mengambil bahagian dalam belanjawan ini.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Sibü.

5.29 ptg.

Tuan Robert Lau Hoi Chew [Sibü]: Wah! tunggu lama - 3 jam.

Seorang Ahli: Cakap banyak! [Ketawa]

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Saya one-thirdlah, 1/3 sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengucapkan tahniah serta penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan kerana satu kali lagi Belanjawan Persekutuan 1997 yang berpandangan jauh, adil serta prihatin di Dewan Rakyat ini pada 25hb. Oktober, 1996.

Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan telah merangka haluan yang betul bagi Malaysia untuk memperkukuhkan perkembangan ekonominya dari segi kewangan, sosial dan moral dengan penekanan dan insentif khas kepada:

- (a) pendidikan;
- (b) menuju kepada hi-tech atau teknologi tinggi terutama sekali teknologi

maklumat dengan pengurangan kepada intensif buruh;

- (c) meningkatkan produktiviti;
- (d) prihatin terhadap rakyat yang miskin, pesakit dan warga tua;
- (e) kepentingan terhadap peranan wanita di dalam pembangunan kebangsaan; persekitaran yang bersih dan hijau;
- (g) membina Malaysia sebagai pusat kewangan;
- (h) lebih perumahan kos rendah untuk golongan yang layak;
- (i) mengutamakan nilai kekeluargaan;
- (j) mengurangkan pembayaran akaun semasa dengan mengukuhkan industri sektor perkhidmatan seperti pelancongan, pengeksporan, kemahiran teknologi; dan
- (k) mengawal inflasi.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin bahawa Belanjawan 1997 akan mencapai dengan banyaknya terhadap tiga objektif yang tersebut:-

- (a) mencapai pengekalan pertumbuhan melalui peningkatan produktiviti;
- (b) memperkukuh kedudukan keimbangan pembayaran dengan sektor perkhidmatan sebagai pemangkin pertumbuhan dan meningkatkan keupayaan sektor dan pengeluaran tempatan; dan
- (c) memantapkan agenda pembangunan sosial.

Tuan Yang di-Pertua, ucapan tahniah saya kepada kerajaan Barisan Nasional di peringkat persekutuan dan negeri, sekali lagi, kerana mencapai pertumbuhan ekonomi yang baik sekali bagi 1996.

Masanya telah sampai untuk semua rakyat memberi sokongan penuh dan kerja bersama dengan kerajaan Barisan Nasional di persekutuan dan negeri, demi untuk satu tujuan sahaja iaitu kita mengurus ekonomi negara kita supaya boleh teruskan meningkat maju dalam pertumbuhan masa akan datang. Saya ingin menyentuh perkara-perkara yang saya fikir penting di dalam pembangunan ekonomi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, pendidikan adalah pelaburan yang bagus sekali. Saya amat berpuas hati melihat peruntukan yang berjumlah RM12.031 bilion ataupun 20.05 peratus daripada jumlah keseluruhan belanjawan adalah kepada pendidikan bagi tahun 1997. Kenaikan sebanyak RM249 juta daripada tahun ini, ia masih lagi peruntukan yang terbesar untuk kementerian di antara kesemua kementerian-kementerian.

Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan dengan betulnya mengungkap falsafah Islam "Ilmu tanpa amal umpama pohon tidak berbuah" yang mana mempunyai makna yang sama dengan filasuf Neo-Kungfutzisme Wang Yang-Ming yang berkata "Ilmu adalah permulaan amal dan amal merupakan penyempurnaan ilmu".

Saya amat berpuashati melihat kerajaan telah mengutip daripada lebih 5,000 syarikat sejumlah RM293.4 juta bagi Tabung Pembangunan Sumber Manusia yang mana akan dapat melatih lebih kurang satu juta pekerja bagi tempoh tahun 1994 sehingga Ogos 1996. Ucapan tahniah haruslah diberikan kepada kerajaan Barisan Nasional bagi menyediakan sejumlah wang sebanyak RM1.2 bilion untuk tujuan biasiswa dan pinjaman pengajian kepada pelajar-pelajar yang memerlukannya, terutama sekali selepas universiti-universiti tempatan dikorporatkan.

Peruntukan ini akan membantu pinjaman RM100 juta kepada Dana Pendidikan Tinggi bagi pelajar-pelajar universiti tempatan yang amat memerlukan dan Lembaga Hasil Dalam Negeri telah diberi kuasa untuk mengutip balik pinjaman tersebut. Saya dengan ikhlas merayu kepada kerajaan agar pemberian biasiswa dan pinjaman pendidikan kepada pelajar-pelajar yang amat memerlukannya dibuat dengan seadil-adilnya.

Tuan Yang di-Pertua, penyediaan insentif cukai oleh kerajaan kepada sektor swasta untuk melabur di dalam sektor pendidikan adalah satu langkah yang positif. Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi, saya merayu dengan ikhlasnya kepada kerajaan untuk memperbaiki sistem pendidikan kebangsaan kita yang dicadangkan seperti yang berikut:-

- (a) untuk menyemak semula gaji bagi profesor-profesor, pensyarah-pensyarah dan guru-guru setanding dengan sektor

swasta agar perkhidmatannya dapat dikekalkan dan menggalak lebih banyak lagi memasuki profesion pendidikan yang mulia ini;

- (b) mengatasi kekurangan guru untuk kali yang terakhir dengan menyediakan lebih banyak kekosongan guru pelatih kepada calon-calon yang berkelayakan;
- (c) memperbaiki "hardware" dan "software" bagi semua sekolah terutama sekali sekolah-sekolah luar bandar;
- (d) mempertimbang untuk memperuntukkan dana pembangunan terus kepada PIBG dan Lembaga Pengurusan Sekolah yang mana telah terbukti kepercayaannya bagi memastikan bahawa setiap ringgit telah dibelanjakan dengan sebetulnya untuk sekolah daripada kontraktor-kontraktor, sub dan sub-sub kontraktor yang mengaut keuntungan yang tidak munasabah dengan menggunakan perbelanjaan sekolah-sekolah.
- (e) memperkenalkan semula dasar ringgit ke ringgit di dalam tabung pembangunan sekolah-sekolah bantuan;
- (f) menyediakan bantuan kewangan kepada 60 sekolah-sekolah menengah bebas Cina dan memperakui Sijil Senior Middle III Examination yang digunakan oleh Dong Zhiao Dong.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya merayu kepada kerajaan mempertimbangkan untuk mendirikan sebuah Kolej Teknikal di Sibul dan pusat komersial dan bandar kedua terbesar di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat berpuas hati melihat jumlah peruntukan bagi UNIMAS bagi tahun 1997 adalah sebanyak RM68.379 juta, kenaikan sebanyak RM8.279 juta daripada tahun 1995.

Saya ingin tahu jumlah tabung pembangunan bagi semua sekolah di Sarawak bagi tahun 1997 jika dibandingkan dengan anggaran yang diserahkan oleh Jabatan Pendidikan di Sarawak. Saya ingin merayu kepada Kerajaan Persekutuan untuk menaikkan peruntukan pembangunan sekolah kepada Sarawak yang mana mempunyai jumlah sekolah-sekolah luar

bandar yang terbanyak di mana bangunan-bangunan, rumah kediaman guru, padang sukan sekolah dan sebagainya yang amat memerlukan perhatian segera daripada kerajaan. Contohnya, saya pernah mengalami perasmian sukan darat sebuah sekolah luar bandar di atas padang sukan yang keadaannya seperti sawah padi yang berair. Tuan Yang di-Pertua, rakan saya setuju dengan saya.

Tuan Yang di-Pertua, permohonan bagi tabung untuk membina tembok tebing sungai untuk SRB Chao Su di Tanjung Kunyit, Sibu yang sekian lama tertangguh sehingga sekarang masih lagi tidak mendapat sebarang tindakan daripada kerajaan. Bangunan sekolah itu sekarang sedang menghadapi bahaya untuk runtuh disebabkan oleh hakisan tebing sungai yang semakin teruk.

Masih lagi terdapat beberapa sekolah seperti SRK Tanjung Penasu, SRK Sungai Pinang, kedua-duanya di Sibu dan di constituency saya yang menghadapi masalah serius yang sama. Tindakan segera daripada kerajaan dipohon dari saya.

Tuan Yang di-Pertua, kemalangan kebakaran yang mengakibatkan kematian di SRK Abang Moh, Saratok, Sarawak haruslah menjadi bukti yang kuat terhadap betapa sedih, miskin, kosong dan kurang selamatnya keadaan kebanyakan daripada bangunan sekolah di kawasan luar bandar Sarawak. Kerajaan haruslah membuat penyiasatan menyeluruh terhadap sebab kebakaran tersebut dan mengambil sekatan pengawalan segera bagi semua bangunan sekolah untuk diperbaiki dan dipertingkatkan bagi menghalang daripada berulangnya tragedi yang sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, langit Sarawak harus dibuka untuk industri pelancongan. Tuan Yang di-Pertua, ucapan tahniah saya kepada kerajaan kita kerana pencapaian besar di dalam pembangunan industri pelancongan di negara kita dengan 7.5 juta pelancong asing berbelanja sebanyak RM9.9 bilion bagi tahun 1995. Sementara di tahun 1995, 6.3 juta rakyat Malaysia yang keluar negara untuk bercuti yang membelanjakan RM5.8 bilion.

Saya amat berpuas hati bahawa kerajaan akan memperuntukkan RM294.5 juta pada 1997 bagi menggalakkan sektor pelancongan, termasuk menyediakan belanjawan hotel murah dan mempertingkatkan lagi kemudahan restoran

dan sebagainya serta insentif cukai yang berbagai untuk industri pelancongan. Saya menyokong sepenuhnya bahawa Malaysia dipromosikan sebagai pusat untuk mesyuarat dan pameran.

Tuan Yang di-Pertua, Sarawak hanya menerima 2.7% daripada jumlah sebenar pelancong negara yang datang dalam tahun 1995 yang membelanjakan RM357.5 juta dan Brunei menyumbang kira-kira 56% perbelanjaan pelancongan di Sarawak, diikuti oleh United Kingdom (UK) sebanyak 12% dan Singapura sebanyak 5.4%.

Purata kadar penginap bilik hotel negara ialah 65.5% bagi tahun 1995 dengan 1,220 hotel yang mempunyai 76,373 bilik. Sarawak hanya mencapai 60.8% - itu di Kuching sahaja daripada 177 hotel, berserta 7,600 bilik bagi seluruh negeri.

Tuan Yang di-Pertua, sejumlah 865 senarai penerbangan antarabangsa seminggu ke Malaysia telah direkodkan dalam tahun 1995 dan saya ingin tahu berapa banyakkah yang terbang ke Sarawak? Jumlahnya memanglah rendah, terutama sekali berbanding Sarawak yang sebesar Semenanjung Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, masalahnya ialah kerajaan ingin mempertahankan kepentingan MAS semasa mengurangkan pembangunan industri pelancongan di Sarawak. Ianya amatlah tidak adil sekali kepada Sarawak dengan menganggapnya seperti sebuah negeri di Semenanjung Malaysia yang mana besarnya tidak lebih dari satu bahagian di Sarawak di mana kami mempunyai sembilan bahagian.

Kerajaan haruslah menyiasat pendapatan tambahan oleh Malaysian Airlines System (MAS) dengan memonopolikan langit Sarawak. Saya pasti jawabnya ialah "MAS memperolehi beberapa juta lagi, sementara Sarawak pula kerugian beratus-ratus juta". Tolonglah perbetulkan kesilapan ini demi polisi ekonomi kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mungkin emosional sedikit apabila menyampaikan pendapat saya di atas tadi, tetapi saya tidak dapat mengawal daripada melihat potensi besar pelancongan di Sarawak, negeri yang terbesar di negara kita dibuang begitu sahaja demi untuk MAS memperolehi sedikit keuntungan.

Tuan Yang di-Pertua, mendekatkan jurang di antara bandar dan luar bandar ialah sangat penting. Saya amat berpuas hati bahawa Skim

Elektrik Luar Bandar di Sarawak (RES) bagi tahun 1997 akan diperuntukkan bagi RM50 juta iaitu kenaikan sebanyak RM5 juta daripada tahun 1996, sementara bekalan air paip luar bandar di Sarawak akan menerima RM13 juta sama seperti tahun 1996.

Perlaksanaan terhadap RES Sarawak telah pun dikontrakkan kepada syarikat swasta dan saya merayu kepada kerajaan untuk mengawasi dengan lebih dekat lagi pekerjaan syarikat tersebut agar memanfaatkan penduduk luar bandar, bukan sahaja syarikat yang berkenaan yang menerima faedah yang maksimum.

Jalan raya luar bandar di Sarawak kebanyakannya adalah berlumpur. Penduduk luar bandar termasuk warga tua dan anak-anak murid sekolah berjalan kaki berjam-jam untuk membawa hasil pertanian mereka turun dan untuk ke sekolah masing-masingnya adalah satu pemandangan biasa di kawasan luar bandar Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan telekom di luar bandar masih lagi mundur dan saya sebagai wakil rakyat mendapati amat sukar untuk meminta pemasangan telefon awam di rumah-rumah panjang yang mempunyai beberapa puluhan orang keluarga setiap rumah panjang. Saya rasa kerajaan harus mengambil keutamaan di dalam menyelesaikan masalah ini dan syarikat telefon haruslah mempunyai tanggungjawab sosial dan moral untuk menyediakan perkhidmatan telefon kepada penduduk luar bandar walaupun dengan keuntungan yang sedikit.

Kemudahan sukan, bangunan-bangunan sekolah, kediaman guru-guru, pengkalan serta klinik kesihatan di antaranya adalah tidak mencukupi untuk kawasan luar bandar Sarawak yang terlalu luas. Kementerian Pendidikan tidak memenuhi keperluan penduduk luar bandar terhadap kemudahan-kemudahan pendidikan dan saya merayu kepada Kementerian Luar Bandar untuk membantu agar keadaan kehidupan di kawasan luar bandar dapat diperbaiki.

Tuan Yang di-Pertua, penduduk luar bandar di Sarawak mendapati amat sukar untuk mendapat lesen penjaja ataupun tempat untuk mereka menjual hasil pertanian mereka. Saya merayu kepada kerajaan agar mempertimbangkan untuk membina koperasi-koperasi untuk memasarkan hasil berkenaan

agar petani-petani luar bandar dapat memperolehi harga yang adil bagi keluaran mereka.

Saya juga merayu kepada kerajaan untuk memberi perhatian di dalam kesulitan penduduk bandar yang miskin yang mana adalah sebenar-benarnya kumpulan yang tidak diambil berat.

Tuan Yang di-Pertua, sementara saya menghargai tujuan mengenakan cukai ke atas pengimportan jentera berat adalah untuk menggalak industri pembaharuan semula jentera berat tempatan. Saya berasa duti import ke atas jentera berat akan menaikkan kos infrastruktur bangunan bagi kemudahan majoriti.

Juga, saya secara peribadi berasa kerajaan tidak harus berikan insentif cukai untuk kepentingan pihak minoriti sahaja dengan mengurangkan hak majoriti. Tambahan pula, kerajaan kita harus menggalakkan pembuatan jentera berat baru dan menghindar Malaysia daripada menjadi sampah kepada jentera-jentera berat terpakai.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan Lapangan Terbang Sibu telah diperuntukkan sebanyak RM5 dan RM2 juta untuk tahun 1996 dan 1997 masing-masingnya tetapi saya tidak tahu bagaimana RM5 juta itu digunakan bagi tahun 1996 kerana saya tidak melihat pembangunan dengan banyaknya berjalan pada tahun ini. Bilakah aerobridge yang dicadangkan itu akan dibina untuk Lapangan Terbang Sibu?

Tuan Yang di-Pertua, saya telah menerima banyak aduan berkenaan JPJ yang menolak pembaharuan kelas tertentu seperti yang dinyatakan di dalam lesen memandu kerana tidak ada rekod di dalam komputer dan pemegang lesen memandu berkenaan dikehendaki untuk memberi bukti asal ujian memandu yang mana mungkin telah diadakan 20-30 tahun yang lepas. Saya dengan ikhlas merasakan bahawa kesemua kelas di dalam lesen memandu haruslah sepenuhnya diperbaharui dan secara automatik tanpa meletakkan kerumitan kepada pemegang lesen memandu untuk mencari rekod-rekod lama yang mana kebanyakannya telah hilang.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpuas hati dengan peruntukan bagi pembinaan jalan raya dan jambatan di Sarawak akan dinaikkan kepada RM255.78 juta bagi tahun 1997 iaitu kenaikan sebanyak RM98.79 juta daripada tahun 1996.

Sebanyak RM17.3 juta akan diperuntukkan kepada projek jambatan Sarawak untuk tahun 1997 dan saya, Tuan Yang di-Pertua, ingin merayu kepada kerajaan untuk mempercepatkan pembinaan Jambatan Durin yang menyeberangi Sungai Rajang dan sambungan Borneo-Highway berdekatan dengan Sibu kerana ianya telah dieksploitasikan oleh pihak parti pembangkang semasa Pilihanraya Negeri di Sarawak baru-baru ini.

Hanya RM2.8 juta akan diperuntukkan bagi Lebuhraya Pan-Borneo untuk tahun 1997. Saya ingin merayu kepada kerajaan agar semua bahagian sibuk Lebuhraya Pan-Borneo haruslah diperbesarkan kepada dua laluan bagi kedua-dua hala seperti bahagian di antara bulatan Jalan Oya dan Jalan Lapangan Terbang Sibu ke pekan Selangau.

Saya amat berpuas hati melihat bahawa peruntukan sebanyak RM113 juta telah disediakan untuk membina jalan raya bagi projek hidroelektrik di Sarawak untuk tahun hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat sihat negara baru kuat. Saya berpuas hati kerana Kementerian Kesihatan telah diperuntukkan sebanyak RM 3.447 bilion untuk tahun hadapan, kenaikan sebanyak RM410 juta daripada tahun ini berserta dengan insentif cukai yang pelbagai untuk sektor swasta yang melabur di dalam penjagaan kesihatan.

Kita sebagai rakyat Malaysia haruslah berasa bersyukur kepada kerajaan kita kerana semua rakyat Malaysia dapat menikmati penjagaan kesihatan yang baik dan murah yang mana kebanyakannya disubsidikan oleh kerajaan. Walaupun demikian, saya harus menegaskan tentang kekurangan pakar-pakar dan doktor-doktor yang serius sekali di hospital-hospital kerajaan dan sekali lagi merayu kepada kerajaan untuk memperbaiki masalah ini dengan:

- (a) memotong pita merah (red tape) kepada yang paling minimum bagi mengambil pakar perubatan dan doktor-doktor;
- (b) menyemak semula gaji-gaji kakitangan perubatan setanding dengan sektor-sektor swasta;
- (c) membayar pakar perubatan dalam bentuk berdasarkan kes bersama gaji pokok; dan

- (d) memperbesarkan fakulti perubatan di semua universiti-universiti tempatan kerajaan.

Saya difahamkan bahawa Yayasan Buah Pinggang Sibu dan Pusat Dialisis Buah Pinggang Miri yang mana telah dibina dengan derma persendirian tidak diperuntukkan dengan geran Kerajaan Persekutuan dengan sewajarnya seperti Pusat Dialisis Buah Pinggang Mewar yang mana telah menerima geran RM3 juta. Tolong bantu pusat dialisis buah pinggang di Sarawak juga.

Tuan Yang di-Pertua, belia adalah pemimpin masa hadapan negara kita. Saya berpuas hati melihat RM60.2 juta telah disediakan bagi program Rakan Muda. Saya ingin merayu kepada kerajaan agar memberi bantuan kewangan setiap tahun kepada berbagai organisasi sukan dan belia sukarelawan yang mana program-program mereka bergantung kebanyakannya kepada derma persendirian. Pada ketika ini, saya ingin merayu kepada Kerajaan Persekutuan untuk memberi geran modal khas kepada YMCA Youth Camp di Sibu yang mana telah dibina dengan kos lebih daripada RM3.5 juta dan masih kekurangan RM1.5 juta. Saya juga ingin mencadangkan agar semua belia diwajibkan untuk memasuki latihan Kadet Tentera demi untuk memupukkan disiplin dan semangat bertanggungjawab kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, wanita boleh memegang separuh langit. Di dalam bahasa Mandarin, *[dibaca dalam bahasa Mandarin]* wanita merupakan setengah daripada jumlah penduduk kita dan saya amat berpuas hati bahawa kerajaan Barisan Nasional memperakui peranan penting mereka di dalam pembangunan kebangsaan kita. Peruntukan sebanyak RM50 juta untuk membantu organisasi wanita National Council of Women's Organisation, National Action Council adalah wanita di dalam pembangunan dan Organisasi Wanita Islam serta Institut Pengurusan untuk wanita akan memperkembang lalu meningkatkan pembangunan wanita di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, perpaduan kebangsaan ialah asas pembangunan kebangsaan. Semua rakyat Malaysia haruslah berasa bangga di bawah pimpinan dinamik dan berwawasan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang dikasihi. Malaysia berdiri megah di antara komuniti bangsa-bangsa untuk pencapaian

cemerlang di dalam keharmonian kaum, toleransi dalam keagamaan dan saling hormat-menghormati yang mana berserta dengan kestabilan politik yang dibawa oleh kerajaan Barisan Nasional telah sesungguhnya membentuk sistem yang unik untuk kebanyakan negara sanjungi dan beriktihar untuk menyamai.

Tuan Yang di-Pertua, di Sarawak juga di bawah pimpinan dinamik dan bijak Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, bersama 26 kaum, hidup dan bekerjasama ke arah kehidupan yang lebih baik untuk hari esok. Kembalinya Parti Semangat 46 ke UMNO menggalakkan perpaduan yang lebih kuat lagi bagi kaum Melayu kita. Adalah harapan ikhlas saya bahawa kaum Cina Malaysia harus belajar daripada kaum Melayu kita untuk mendidik lebih berpadu, terutama sekali di dalam bidang politik.

Kekalahan Presiden parti saya, Yang Berbahagia Tan Sri Datuk Amar Dr. Wong Soon Kai baru-baru ini dalam pilihan raya negeri Sarawak amat mengejutkan kami, dan kebanyakan daripada pengundi di konstituensi Bukit Assek kecewa dan menangis. Dengan kalahnya 4 kerusi oleh SUPP, parti saya adalah di kawasan majoriti kaum Cina, di mana pengundinya secara umum mempunyai dedahan yang luas di dalam pelbagai isu politik, ekonomi dan sosial semasa. Fenomena majoriti penyokong pengundi Cina bandar untuk parti pembangkangnya menyebabkan kelemahan wakil-wakil kaum Cina di dalam kerajaan berhak untuk mendapat pertimbangan semula serta perhatian pengundi kaum Cina di bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat kecewa dengan tuduhan palsu pemimpin pembangkang, khususnya Ketua Pembangkang dari DAP.

Seorang Ahli: Kepong?

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Kepong orang baik - menggunakan hak keistimewaan Dewan yang mulia ini untuk menuduh SUPP membeli undi dengan harga yang besar semasa pilihan raya negeri Sarawak baru-baru ini dengan palsu dan tanpa bukti. Sementara SUPP menerima keputusan pengundi terhadap kerusi negeri Sarawak yang kami kalah, saya dengan ikhlas menasihati pemimpin DAP, khususnya Ketua Pembangkang dan anaknya untuk memberhentikan tuduhan tanpa bukti ini dan cuba untuk menyumbang dengan positif terhadap pembangunan kebangsaan kita seperti parti pembangkang yang sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, banyak pemimpin asing serta media masa yang dengki selalu menyiarkan sikap keraguan terhadap projek mega yang berwawasan dan di masa hadapan yang sedang dibuat oleh Malaysia. Untuk mencapai projek pembangunan besar kebangsaan tersebut, semua rakyat Malaysia mesti mempunyai misi yang sama untuk mengukuhkan pengajaran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita terhadap rasuah, bekerja kuat dan bersatu padu seperti ucapan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan yang mengungkap pengajaran Nabi Muhammad terhadap rasuah dan memberi hak kepada manusia dan filsafat Kung Fu Tze "Shin Ming" makna yang membawa maksud memperbaharui tekad dan akal budi rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, maka semua rakyat Malaysia haruslah menyokong sepenuhnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan rakan beliau dalam Kerajaan Persekutuan dan negeri-negeri demi untuk memastikan semua projek mega akan dilaksanakan di bawah semangat 'Malaysia yakin boleh' dan untuk membuktikan bahawa kritikan orang asing adalah salah, oleh cara unik rakyat Malaysia kita.

Akhir kata, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Tambun.

6.10 ptg.

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Di kawasan Tambun, ada 8 kampung baru Cina dan 70 buah kampung Melayu. Berdasarkan kepada kajian, kesemua kampung baru ini adalah mempunyai infrastruktur yang mencukupi. Keperluan kewangannya hanya sekadar untuk kerja-kerja maintenance sahaja, manakala kampung-kampung Melayu, ada di antaranya yang tidak mempunyai jalan dan tidak mempunyai api elektrik. Jadi, saya ingin menyangkal apa yang dikatakan oleh Ahli Parlimen dari Kota Melaka dengan menuduh kerajaan tidak adil dalam pemberian peruntukan untuk Kampung Baru Cina. Saya berpendapat bahawa sebagai Ahli Parlimen, kita tidak boleh mengamalkan, the culture of mediocrity dan hape syndrom, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada Laporan Ekonomi 1996 dan 1997. Dalam laporan tersebut menyatakan pertumbuhan KDNK perlahan daripada 9.5% pada tahun 1995 kepada 8.2% pada tahun 1996 dan ini adalah akibat daripada permintaan luar dan dalam negeri yang juga perlahan, yang mana kita sedia maklum sektor perkilangan merupakan pendorong utama kepada KDNK. Nilai tambah sektor perkilangan telah juga menurun pertumbuhannya daripada 14.5% pada tahun 1995 kepada 12.8% pada tahun 1996, akibat daripada aliran permintaan sektor elektrik dan elektronik di peringkat dunia yang menurun. Pertambahan eksport negara kita juga telah menurun dengan begitu drastik. Pada tahun 1994, eksport negara bertambah pada kadar 26.8%, pada tahun 1995 - 20.8% dan pada tahun 1996 - 4.1%.

Tuan Yang di-Pertua, pasaran antarabangsa adalah tempat persaingan yang begitu sengit, seperti mana kata seorang ahli fikir "*the battle for market share and market position*". Di dalam essei yang ditulis oleh Peter Drucker "*Behind Japanese Success*", dengan izin, beliau menyatakan "*The Japanese take international competition very seriously and always put Japanese first. The general believe, on the part of the Japanese they were very special people and that they must ultimately dominate internationally*".

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan ini saya ingin bertanya, sejauh mana badan-badan yang telah ditubuhkan oleh kerajaan kita berjaya untuk memasarkan produk-produk kita? Badan-badan seperti MATRADE, Malaysian Palm Oil Promotion Council, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan, Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia serta Lembaga Koko Malaysia, berbanding dengan badan-badan lain yang ditubuhkan oleh negara-negara lain. Apakah bench mark untuk kita mengukur kejayaan badan-badan tersebut?

Menyentuh tentang MATRADE, saya ingin bertanya, sejauh manakah kejayaan badan ini untuk menembusi pasaran baru? Saya pernah bangkitkan di dalam Parlimen, salah satu pasaran baru yang mempunyai potensi ialah kawasan Timur Tengah. Saya pernah bertemu dengan salah seorang pengusaha di Jedah yang menguasai sektor perabot di Saudi Arabia. Sepertimana kita sedia maklum, bahawa di Saudi sekarang sedang berlaku satu "boom"

dalam sektor construction dan hartanah dengan keperluan untuk perabot serta alat-alat pejabat begitu tinggi.

Apa yang saya ingin nyatakan ialah pengusaha yang ditemui ini ialah orang Australian Chinese. Macam mana seorang Australian Chinese ini dapat menguasai sektor tersebut berbanding dengan kita dari segi mutu produk kita serta kita sebagai negara Islam, pada pandangan saya sepatutnya menguasai bidang itu. Tetapi perbezaannya adalah kerana orang Australian Chinese ini dia belajar budaya orang-orang Arab, manakala kita tidak. Itu fasal dalam Parlimen, pernah saya menyatakan, adakah kerajaan kita merasa senang hati untuk berhubung atau berurus niaga dengan orang yang pakai kot dan neck-tie dan tidak dengan orang-orang Arab? Kalau kita baca buku yang ditulis mengenai dengan kejayaan Deawoo daripada Korea, kejayaan itu dicipta di Iraq semasa perang antara Iraq dan Iran, mengapa kita takut untuk pergi dan mendapatkan pasaran-pasaran baru tersebut.

Saya juga ingin bertanya tentang Tabung Bantuan Teknikal. Sejauh manakah ia berjaya untuk memasarkan produk kita? Saya dapat mengetahui bahawa banyak di kalangan syarikat yang mengikut promosi perdagangan yang pergi dan balik tidak mendapat satu hasil. Setengahnya ada yang mendapat hasil antara satu atau dua kontena produk, tetapi tidak ada konsistensi selepas itu. Begitu juga dengan market intelligence. Saya difahamkan bahawa MATRADE mempunyai perwakilan di Afrika seramai 2 orang, di Amerika Latin - 2, Asia - 8, Australia - 1, Eropah - 6, Afrika Utara - 3 dan Asia Barat - 3. Adakah mereka berjaya menjalankan tugas-tugas mereka.

Satu lagi yang saya ingin bangkitkan ialah perbekalan agensi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu memerlukan perbekalan sebanyak US\$4 bilion setahun. Daripada jumlah ini hanya 10% ataupun US\$10 juta yang dibekal oleh syarikat-syarikat daripada Malaysia.

Pada tahun 1994 MATRADE telah melancarkan projek "Increase Procurement for Malaysia". Sejauh manakah projek ini berjaya kerana satu pasaran sebesar US\$4 bilion, adalah satu pasaran yang begitu besar, malahan terdapat statement daripada pegawai di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu

menyatakan bahawa produk kita menepati syarat-syarat yang diperlukan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang ingin saya sentuh ialah mengenai dengan peratus produk yang dieksport dari negara kita dan yang dikeluarkan oleh pengeluar tempatan. Saya difahamkan bahawa peratusnya begitu kecil. Ini bermakna bahawa kejayaan ekonomi negara kita bukannya datang daripada penduduk kita, tetapi daripada syarikat-syarikat multinational asing. Saya ingin menyentuh apa yang dikatakan oleh Parkinson di dalam esainya "Why the Japanese has been successful in business". Beliau menyatakan "*the debt of national pride and sense of responsibility*". Beliau memberi contoh Takuyu Akai berumur 53 tahun, kapten kapal Fujimaru, semasa kapalanya membawa kereta Jepun ke Amerika Syarikat. Apabila tiba ke Amerika Syarikat, terdapat 3 daripada kereta tersebut yang rosak akibat tempat yang membawa kereta tersebut bocor. Dan beliau sebagai kapten kapal merasa bertanggungjawab dan akhirnya membunuh diri. Sikap national pride and sense of responsibility yang begitu tinggi.

Adakah multinasional yang sekarang ini beroperasi dan memegang sebahagian besar daripada masa hadapan ekonomi negara kita ini mempunyai sikap yang sama. Saya mengambil contoh, dalam kejatuhan sektor elektronik di seluruh dunia, ada 4,000 hingga 5,000 pekerja diberhentikan di Pulau Pinang dan Johor. Syarikat-syarikat seperti Quantum Corporation memberhentikan 1,400 pekerja, Thomson Audio 650 pekerja dan saya difahamkan Grundig serta Hewlett Packard sedang dalam proses hendak menutup operasi mereka di Pulau Pinang. Jadi, tidak ada sense of responsibility serta pride kepada negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, saya berharap kepada kementerian yang berkenaan, kita mesti mengadakan satu pelan jangka pendek, pertengahan serta jangka panjang untuk kita menambahkan bilangan pengilang, pengusaha perkilangan yang datang daripada negara kita. Saya melihat syarikat-syarikat besar di negara kita, baik Renong dan sebagainya, sebahagian besar boleh dikatakan beroperasi di dalam bidang construction baik di dalam negara ataupun di luar negara kita, tidak dalam bidang pembuatan, pada hal bidang pembuatan ini

adalah anchor dan key kepada masa hadapan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara, sekarang terdapat trend di mana negara-negara maju menyerang negara-negara membangun dengan membangkitkan isu-isu mencetuskan rasa prasangka di atas kejayaan negara-negara baru ataupun NIC. Mereka menggunakan laporan analisis dengan menggunakan dalam "standard antarabangsa" untuk mengukur hak asasi demokrasi serta taraf sosial negara-negara yang sedang membangun, termasuk negara kita.

Semalam, saya dengar Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka menceritakan tentang Laporan PBB memburuk-burukkan negara kita dari segi gap antara mereka yang kaya dan miskin, begitu jauh dibandingkan dengan negara-negara lain. Ini adalah satu taktik yang digunakan oleh negara-negara maju ke atas kita.

Kita ambil lagi EU dan NAFTA mengenakan tarif. Sekarang pengusaha-pengusaha tekstil daripada India, Indonesia, Thailand serta Filipina menghadapi kesukaran untuk menghantar produk mereka ke EU. Begitu juga sekarang WTO digunakan untuk mewujudkan perdagangan bebas dengan mengadakan 'General Agreement on Trade and Services' dan pelbagai isu yang bukan perdagangan dibangkitkan untuk melemahkan negara-negara membangun serta untuk menghalang aliran perdagangan daripada negara membangun kepada negara-negara maju terutama pasaran-pasaran NAFTA serta EU.

Saya berpendapat, kalau kerajaan kita bersetuju daripada tahun 2008 kepada 2003 AFTA ditubuhkan. Mengapa tidak kita percepatkan kepada tahun 2000. Ini memang diminta oleh beberapa negara, kerana dalam beberapa statement yang saya baca, antara masalah kita dengan WTO adalah, apabila kita berhadapan dengan negara-negara maju, kita membawa masalah dan kepentingan negara kita semata-mata, iaitu negara-negara yang sedang membangun, tetapi jikalau kita memunyai satu badan perdagangan seperti AFTA, kita akan berdiri di bawah satu suara dan dengan mempunyai 420 juta penduduk, pasaran AFTA ini begitu besar. Dan kita harus ingat bahawa 420 juta penduduk di AFTA ini berbeza dengan EU dan di NAFTA kerana mereka adalah terdiri daripada orang-orang yang muda, yang dinamik, yang pelajarannya serta kemahirannya

makin meningkat. Maknanya pasaran yang kita ada ini adalah pasaran yang dinamik.

Tetapi lebih penting daripada itu, untuk kita dapat berhadapan dengan EU serta NAFTA dalam keadaan yang lebih selesa untuk memperimbangkan di antara kekuatan mereka dengan kekuatan yang ada pada kita. Dan kita juga jangan lupa tentang kedudukan Jepun dan China. Kita jangan ingat apabila China menjadi sebuah negara maju dia akan melihat ASEAN atau AFTA ini sebagai rakan kongsi. Begitu juga dengan Jepun. Kita tahu dalam masalah Jepun. Defisit perdagangan kita bertambah 5 kali ganda daripada tahun 1900 hingga 1995. Seolah-olah ia memegang masa hadapan ekonomi kita. Tiap-tiap komponen dan barangan diperlukan 100% diambil daripada Jepun.

Kereta Malaysia dimulakan pada tahun 1985 sehingga ini sebahagian besar komponennya masih lagi tidak dipindah kepada kita. Jadi, perdagangan antara negara kita dan antara AFTA dan negara-negara maju ini tidak saksama, terdapat diskriminasi dan perlu kita mempercepatkan penubuhan AFTA supaya kita dapat 'berdiri sama tinggi' dengan kuasa-kuasa ekonomi yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang terdapat trend di kalangan New Industrialise Economy (NIE), persaingan yang begitu pesat di kalangan negara-negara tersebut melibatkan negara kita. Kita dapati bahawa NIE ini menggunakan asas yang sama untuk memperkembangkan ekonominya. Masing-masing menarik pelabur asing untuk melabur di negara mereka. Di samping itu, mengeluarkan produk yang sama berdasarkan konsep nilai tambah.

Oleh kerana teknologi sekarang boleh didapati oleh negara-negara ini, persaingan di antara NIE begitu hebat. Oleh kerana kos buruh negara kita meningkat hanya kurang daripada Singapura, produk kita tidak lagi menjadi begitu kompetitif di pasaran antarabangsa.

Ini bermakna bahawa kita perlu bersaing untuk masa hadapan ataupun, dengan izin, 'competing for the future'. Ini bermakna bahawa kita perlu mencipta hak intelektual bagi produk kita sendiri yang dapat menguasai pasaran serta sentiasa di hadapan pesaing-pesaing kita. Kita perlu mencipta core competencies kita sendiri.

Saya mengalu-alukan kerajaan dalam penubuhan Multimedia Super Corridor (MSC). Sebuah tapak seluas 1,000 kilometer persegi telah disediakan untuk multinational menempatkan pusat perniagaan mereka serta mengadakan R&D. Di tapak tersebut, kerajaan berharap dapat mencipta produk kreatif untuk memperoleh pasaran bidang 'a niche' di peringkat global.

Sepertimana kita sedia maklum, pada peringkat ini hanya beberapa produk sahaja di atas jenama Malaysia, antaranya Proton, Royal Selangor Pewter, Besta, Sapura, Art Rights, Sime Tyres dan Sedap Food. Kita berharap bahawa usaha ini akan berjaya. Sepertimana komen salah seorang Presiden multinational Amerika Syarikat mengatakan, dengan izin, "getting to the future first enable the country to establish the rules by which other countries will have to compete, the advent of multimedia were result in a reset phenomenon because these new technologies will give small countries like Malaysia a chance to compete on a level playing field as the industrialised countries have already invested heavily in old technology."

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, hari sudah suntuk Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat diminta sambung minggu hadapan ya.

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Saya sambung. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mulai hari Isnin depan, setiap orang ahli yang berbahas akan diberikan masa 20 minit sahaja. Majlis Mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 hari Isnin depan.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.